



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI PAHANG

SIRI 1



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI PAHANG

SIRI 1



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG Pengurusan Hutan Lipur
21	MAJLIS DAERAH PEKAN MAJLIS DAERAH RAUB Pengurusan Hasil Cukai Taksiran
35	KERAJAAN NEGERI PAHANG Pahang Technology Resources Sdn. Bhd.
53	PENUTUP




KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan “AG’s Dashboard” yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Audit terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Jabatan/Agensi pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 1 Jabatan, 2 Agensi dan 1 Syarikat Kerajaan Negeri Pahang. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 8 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2014 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

22 Februari 2015



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

- Pengurusan Hutan Lipur

1.1. Kawasan hutan Negeri Pahang yang luas, selain memberi sumbangan pembangunan sosioekonomi dan menstabilkan alam sekitar, ia juga mempunyai daya tarikan tersendiri sebagai tempat untuk berekreasi. Tarikan alam semula jadi seperti air terjun, aliran air sungai yang dingin, pantai yang indah, batu-batan yang unik, kepelbagaiannya flora fauna dan panorama semula jadi yang ada di hutan lipur sering kali menjadi tumpuan untuk dikunjungi. Hutan lipur juga merupakan antara produk yang berpotensi tinggi ke arah memajukan sektor pelancongan Negeri Pahang. Penubuhan hutan lipur di dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) adalah selaras dengan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) dan Akta Perhutanan Negara 1984 dengan objektif untuk mengekalkan sejumlah kawasan yang mencukupi sebagai tempat rekreasi. Selain itu, ia juga berfungsi sebagai kawasan ekopelancongan dan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan alam semula jadi. Sehingga tahun 2014, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (Jabatan) telah membangunkan sebanyak 28 Hutan Lipur (HL) dan 1 Hutan Taman Negeri di dalam kawasan HSK dengan anggaran keluasan 286 hektar.

1.2. Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan Julai hingga Oktober 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan hutan lipur adalah memuaskan meliputi aspek perkhidmatan pengguna dan promosi, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan serta keselamatan kawasan. Selain itu, prestasi pengunjung juga adalah baik di 7 hutan lipur yang dilawati iaitu peningkatan keseluruhan sebanyak 19.5% pada tahun 2013 berbanding dengan tahun 2012. Bagaimanapun, terdapat beberapa penemuan yang memerlukan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- Terdapat hutan lipur yang berpotensi untuk dimajukan bagi melaksanakan aktiviti dan kemudahan rekreasi.
- Kerosakan beberapa kemudahan di hutan lipur belum disenggarakan.
- Dokumen kontrak pengusaha swasta bagi 2 hutan lipur belum ditandatangani.
- 10 daripada 28 hutan lipur belum diwartakan.

1.3. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan hutan lipur, adalah disyorkan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

1.3.1. Membuat kajian menyeluruh kesesuaian penswastaan semua pengurusan hutan lipur berdasarkan prestasi 2 hutan lipur yang telah diswastakan.

1.3.2. Memastikan kesemua hutan lipur diwartakan segera.

1.3.3. Memantau kerja-kerja penyenggaraan kawasan persekitaran dan kemudahan di hutan lipur supaya terpelihara, disenggarakan dengan sempurna bagi menjamin keselamatan pengunjung.

2. MAJLIS DAERAH PEKAN

MAJLIS DAERAH RAUB

- **Pengurusan Hasil Cukai Taksiran**

2.1. Cukai taksiran atau cukai pintu adalah cukai yang dikenakan kepada pemilik hartanah yang merangkumi rumah kediaman, bangunan perniagaan, bangunan perindustrian, tanah kosong, ladang dan sebagainya. Cukai taksiran wajib dibayar seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 127 (Akta 171) Akta Kerajaan Tempatan 1976 kecuali bagi harta-harta seperti tempat keagamaan yang diiktiraf, tanah-tanah perkuburan, sekolah awam dan tempat awam bagi maksud sains, sastera atau seni halus. Cukai taksiran merupakan penyumbang utama hasil tahunan bagi Majlis Daerah Pekan (MDP) dan Majlis Daerah Raub (MDR). Hasil cukai taksiran yang dikutip bagi tahun 2012 hingga Jun 2014 adalah berjumlah RM14.39 juta bagi MDP dan RM11.39 juta bagi MDR.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2014 mendapati secara keseluruhan pengurusan hasil cukai taksiran di MDP dan MDR adalah memuaskan. Beberapa aspek seperti proses kutipan cukai, pengurusan bantahan cukai, pengecualian cukai dan caruman bantu kadar telah dilaksanakan dengan teratur. Bagaimanapun, beberapa perkara memerlukan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- Asas nilai cukai masih menggunakan asas nilai tahun 1992.
- Penilaian semula kadar cukai terhadap pindaan dan tambahan bangunan tidak dibuat.
- Tuggakan hasil cukai taksiran yang tinggi.
- Kawasan operasi tidak menyeluruh.

2.3. Bagi memastikan pengurusan hasil cukai taksiran dapat diurus dengan lebih cekap, teratur dan mencapai objektif yang ditetapkan adalah disyorkan pihak berkaitan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

2.3.1. Pihak Berkusa Tempatan dan Pihak Berkusa Negeri perlu mengkaji semula asas nilai dan kadar cukai taksiran yang dikenakan supaya hasil yang dikutip adalah bersesuaian dengan keadaan semasa.

2.3.2. MDP perlu meningkatkan pemantauan terhadap penilaian pegangan yang membuat pengubahsuaian premis supaya mendapat kelulusan terlebih dahulu dan penilaian semula cukai dibuat sewajarnya.

2.3.3. MDP dan MDR hendaklah mengambil tindakan yang lebih berkesan termasuk tindakan undang-undang seperti penyitaan premis terhadap pemilik pegangan yang enggan menjelaskan tunggakan cukai taksiran walaupun telah diberi peringatan berulang kali.

3. KERAJAAN NEGERI PAHANG

- Pahang Technology Resources Sdn. Bhd.

3.1. Pahang Technology Resources Sdn. Bhd. (PTR) ditubuhkan pada 30 Mei 2007 dan memulakan operasinya pada tahun 2009. PTR merupakan syarikat milikan penuh Kerajaan Negeri Pahang dengan modal dibenarkan dan modal berbayar berjumlah RM5 juta. PTR telah diberi mandat oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk memperjuangkan inisiatif *Multimedia Super Corridor* (MSC) Malaysia dan merupakan *one stop centre* untuk pembangunan *information and communication technology* (ICT). PTR telah ditugaskan untuk menyelaras dan memantau dengan teliti pelaksanaan semua program bagi memastikan inisiatif MSC Malaysia Pahang mencapai objektif dan menghasilkan impak yang diingini dengan mengemukakan isu dan cadangan kepada kerajaan negeri atau Kementerian dan Agensi Persekutuan berkaitan untuk keputusan lanjut.

3.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga November 2014 mendapati prestasi kewangan PTR adalah kurang memuaskan. PTR mencatat kerugian setiap tahun bagi 5 tahun berturut-turut sekali gus meningkatkan kerugian terkumpul kepada RM2.12 juta pada tahun 2013. Kerugian adalah berikutan pulangan dalam bidang bioteknologi masih belum diperoleh. Begitu juga didapati pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang boleh ditambah baik seperti berikut:

- Ruang inkubator dan lot perniagaan tidak disewakan sepenuhnya.
- Peningkatan kos penyenggaraan lebih tinggi berbanding pendapatan sewa.
- Ahli Lembaga Pengarah tidak bermesyuarat secara berkala.
- Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan.
- Rancangan Korporat serta Garis Panduan dan Prosedur Kerja Pengurusan Kewangan tidak disediakan.
- Baucar bayaran dan dokumen sokongan tidak dicap ‘Telah Bayar’ atau ‘Jelas’.

3.3. Bagi meningkatkan lagi prestasi Pahang Technology Resources Sdn. Bhd. (PTR) adalah disyorkan tindakan berikut diambil:

3.3.1. Menyediakan Rancangan Korporat dan Strategik yang lengkap dan komprehensif dengan memberi fokus kepada aktiviti perniagaan strategik yang menyumbang pendapatan stabil kepada syarikat selaras dengan objektif penubuhan PTR.

3.3.2. Memperkemaskan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Syarikat dan Kerajaan.



**AKTIVITI
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

1. PENGURUSAN HUTAN LIPUR

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Kawasan hutan Negeri Pahang yang luas, selain memberi sumbangan pembangunan sosioekonomi dan menstabilkan alam sekitar, ia juga mempunyai daya tarikan tersendiri sebagai tempat untuk berekreasi. Tarikan alam semula jadi seperti air terjun, aliran air sungai yang dingin, pantai yang indah, batu-batan yang unik, kepelbagaiannya flora fauna dan panorama semula jadi yang ada di hutan lipur sering kali menjadi tumpuan pengunjung. Hutan lipur juga merupakan antara produk yang berpotensi tinggi ke arah memajukan sektor pelancongan Negeri Pahang.

1.1.2. Penubuhan hutan lipur di dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) adalah selaras dengan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) dan Akta Perhutanan Negara 1984 dengan objektif untuk mengekalkan sejumlah kawasan yang mencukupi sebagai tempat rekreasi. Selain itu, ia juga berfungsi sebagai kawasan ekopelancongan dan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan alam semula jadi. Sehingga tahun 2014, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (Jabatan) telah membangunkan sebanyak 28 Hutan Lipur (HL) dan 1 Hutan Taman Negeri di dalam kawasan HSK dengan anggaran keluasan 286 hektar. Senarai hutan lipur dan lokasi di Negeri Pahang mengikut Daerah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Jumlah Hutan Lipur Dan Taman Negeri Mengikut Daerah

Bil.	Daerah	Jumlah Hutan Lipur/Taman Negeri	Keluasan (Hektar)
1.	Bentong	3	39
2.	Bera	1	5
3.	Cameron Highlands	2	7
4.	Jerantut	4	26
5.	Kuantan	5	55
6.	Kuala Lipis	3	43
7.	Maran	2	10
8.	Raub	4	25
9.	Rompin	2	54
10.	Temerloh	3	22
Jumlah		29	286

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

1.1.3. Unit Hutan Lipur ditubuhkan di peringkat Jabatan bertanggungjawab untuk merancang dan menyediakan pelan induk hutan lipur serta melaksanakan program-program pembangunan hutan lipur. Manakala di peringkat Pejabat Hutan Daerah (PHD), hutan lipur diletakkan di bawah Unit Pembangunan Hutan bagi menyenggara dan mengurus hutan lipur.

Bagi tempoh 2012 hingga 2014, Jabatan telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan sejumlah RM1.03 juta dan telah membelanjakan sejumlah RM1.01 juta iaitu 98.1% daripada jumlah peruntukan bagi tujuan pengurusan dan pembangunan hutan lipur di Negeri Pahang.

1.1.4. Kajian Audit terhadap pengurusan hutan lipur telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005. Dalam laporan tersebut, pihak Audit telah melaporkan perancangan pengurusan hutan lipur adalah memuaskan kecuali kelemahan dalam pelaksanaan pengurusan hutan lipur seperti pewartaan 5 hutan lipur belum dilaksanakan, penyenggaraan pokok bahaya lewat dilaksanakan dan penyenggaraan kemudahan hutan lipur.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada hutan lipur telah diurus dengan teratur, cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat penubuhan hutan lipur.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan tertumpu kepada pengurusan hutan lipur bagi tempoh 2012 hingga 2014 dan dilaksanakan di Jabatan, PHD Kuantan/Pekan/Maran dan PHD Temerloh/Bera. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan pengurusan hutan lipur dan temu bual dengan pegawai yang terlibat diadakan bagi mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut mengenai pengurusan hutan lipur. Lawatan Audit telah dilaksanakan ke 7 buah hutan lipur iaitu HL Sungai Pandan, Kuantan; HL Bukit Pelindung Dan Teluk Cempedak, Kuantan; HL Bukit Beserah, Kuantan; HL Berkelah, Kuantan; HL Lubuk Yu, Maran; HL Gunung Senyum, Temerloh dan HL Bukit Bertangga, Bera bagi melihat keadaan hutan lipur dan kemudahan yang disediakan. Selain itu, sebanyak 150 borang soal selidik telah diedarkan kepada pengunjung hutan lipur. *Exit Conference* bersama Timbalan Pengarah (Operasi) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah diadakan pada 5 Disember 2014 yang turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, pegawai-pegawai kanan Jabatan dan Penolong Pegawai Hutan Daerah bagi semua daerah.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan Julai hingga Oktober 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan hutan lipur adalah memuaskan meliputi aspek perkhidmatan pengguna dan promosi, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan serta keselamatan kawasan. Selain itu, prestasi pengunjung juga adalah baik di 7 hutan lipur yang dilawati iaitu peningkatan keseluruhan sebanyak 19.5% pada tahun 2013 berbanding dengan tahun 2012. Bagaimanapun, terdapat beberapa penemuan yang memerlukan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- Terdapat hutan lipur yang berpotensi untuk dimajukan bagi melaksanakan aktiviti dan kemudahan rekreasi.
- Kerosakan beberapa kemudahan di hutan lipur belum disenggarakan.
- Dokumen kontrak pengusaha swasta bagi 2 hutan lipur belum ditandatangani.
- 10 daripada 28 hutan lipur belum diwartakan.

1.4.1. Prestasi Pengurusan Hutan Lipur

Salah satu objektif utama dalam aktiviti pembangunan hutan lipur adalah menyediakan kemudahan istirahat dan riadah di kawasan hutan untuk tujuan perkelahan, taman rekreasi dan menikmati keindahan alam semula jadi. Mengikut Manual Perhutanan Jilid III, pengurusan hutan lipur merupakan aspek penting yang perlu diberi keutamaan setelah hutan lipur dibangunkan. Ia bagi menjamin fungsi penubuhan sesuatu hutan lipur dapat dikekalkan, dipelihara dan diterima oleh pengguna serta masyarakat. Dalam usaha melaksanakan pengurusan hutan lipur, pelbagai aspek seperti faktor kewangan, tenaga kerja, persekitaran dan faktor-faktor lain perlu diambil kira. Oleh itu, perancangan yang sistematik dan teratur serta konsisten perlu dirangka untuk menjadikan pengurusan hutan lipur lebih terancang dan efektif. Perkara-perkara yang perlu dititikberatkan dalam pengurusan hutan lipur ialah pengurusan operasi dan fungsinya seperti pengurusan sumber asli rekreasi dan kemudahan rekreasi. Pemeriksaan dan lawatan Audit di 7 buah hutan lipur mendapati:

1.4.1.1. Pengurusan Sumber Asli

Pengurusan ini merangkumi aspek-aspek penjagaan dan pemeliharaan sifat-sifat asli hutan lipur. Ia untuk memastikan keunikan dan kecantikan sesuatu hutan lipur terus terpelihara. Selain daripada itu, nilai-nilai berhubung dengan hidupan liar, budaya dan sejarah perlu juga dititikberatkan. Semakan Audit mendapati Jabatan telah mengambil langkah yang sistematik bagi memelihara keaslian kawasan hutan lipur berdasarkan kepada Manual Perhutanan Jilid III seperti kawalan alam sekitar, mewujudkan zon larangan dan pengurusan hutan yang berkekalan. Sebagai contoh, HL Gunung Senyum, Temerloh ditubuhkan pada tahun 1990 dengan daya tarikan gua batu kapur semula jadi. Semakan Audit mendapati Jabatan telah memastikan unsur semula jadi di kawasan ini terus dipelihara dan dilindungi walaupun terdapat pembangunan seperti asrama, calet, dewan, surau dan sebagainya.

1.4.1.2. Pengurusan Aktiviti Dan Kemudahan Untuk Rekreasi

Pengurusan berhubung dengan kemudahan aktiviti-aktiviti rekreasi yang disediakan kepada pengguna seperti berkelah, berkhemah, mendaki bukit, jelajah gua dan sebagainya termasuk menyediakan peraturan yang perlu dipatuhi semasa menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut.

a. Aktiviti Dan Kemudahan Rekreasi Sedia Ada

- i. Lawatan Audit mendapati antara aktiviti yang dilakukan oleh pengunjung adalah seperti menjelajah gua di HL Gunung Senyum, Temerloh dan berkelah di HL Sungai Pandan, Kuantan. Antara tarikan dan aktiviti yang dilakukan pengunjung di hutan lipur seperti di **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.3**.

Gambar 1.1
Keadaan Dalam Gua Di HL Gunung Senyum



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Gunung Senyum, Temerloh
Tarikh: 19 Ogos 2014

Gambar 1.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Gunung Senyum, Temerloh
Tarikh: 19 Ogos 2014



Gambar 1.3
Aktiviti Berkelah Oleh Pengunjung

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Sungai Pandan, Kuantan
Tarikh: 28 Ogos 2014

- ii. Lawatan Audit mendapati, Jabatan turut menyediakan kemudahan asas bagi tujuan keselesaan pengunjung untuk beriadah dan berekreasi seperti jalan masuk, tempat letak kenderaan, kemudahan penginapan, pusat informasi, tapak perkhemahan, pondok rehat, trek dan tangga. Selain itu, khidmat pemandu arah yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam menceritakan tentang tarikan dan mitos setiap gua turut disediakan untuk aktiviti menjelajah gua. Ia menjadikan penjelajahan ke gua lebih menarik kepada pengunjung. Kawasan tempat letak kenderaan yang disediakan di HL Berkelah, Kuantan dan HL Bukit Bertangga, Bera seperti di **Gambar 1.4** dan **Gambar 1.5** serta khidmat pemandu arah yang disediakan di HL Gunung Senyum, Temerloh seperti di **Gambar 1.6**.

Gambar 1.4

Kawasan Tempat Letak Kenderaan Yang Luas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Berkelah, Kuantan
Tarikh: 27 Ogos 2014

Gambar 1.5



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Bukit Bertangga, Temerloh
Tarikh: 20 Ogos 2014



Gambar 1.6
Pemandu Arah Sedang Memberi Taklimat

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Gunung Senyum, Temerloh
Tarikh: 19 Ogos 2014

b. Aktiviti Dan Rekreasi Yang Berpotensi Dimajukan

- i. Lawatan Audit juga mendapati ada tempat di dalam hutan lipur yang berpotensi untuk dimajukan pada masa hadapan seperti tasik yang terdapat di HL Gunung Senyum, Temerloh. Aktiviti seperti berkayak boleh dilaksanakan di tasik ini sebagai salah satu daya tarikan. Selain itu, terdapat kolam sedia ada di HL Bukit Beserah, Kuantan yang merupakan tinggalan warisan zaman penjajah yang kurang menarik tetapi boleh menjadi satu tarikan kepada orang awam untuk berkelah sekiranya ia dinaik taraf. Tarikan lain yang ada di hutan lipur ini adalah seperti denai untuk aktiviti *trekking* dan Gua Beserah serta lokasinya amat strategik kerana terletak kira-kira 16 km dari pusat bandar Kuantan. Bagaimanapun tasik dan kolam tersebut tidak terurus dengan baik menjadikan keadaanya kurang menarik seperti di **Gambar 1.7** dan **Gambar 1.8**.

Gambar 1.7
Keadaan Tasik
Yang Kurang Menarik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Gunung Senyum, Temerloh
Tarikh: 19 Ogos 2014

Gambar 1.8
Keadaan Kolam Sedia Ada
Yang Kurang Menarik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Bukit Beserah, Kuantan
Tarikh: 28 Ogos 2014

- ii. **Maklum balas yang diterima daripada Jabatan bertarikh 26 November 2014 menjelaskan, PHD Temerloh/Bera telah memohon peruntukan melalui Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri Pahang pada Mei 2013 untuk membangunkan hutan lipur tersebut. Kelulusan peruntukan masih dalam pertimbangan Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri Pahang. Sementara itu, kerja-kerja menyenggara dan menaik taraf kolam di HL Bukit Beserah akan dijalankan menggunakan peruntukan tahun 2015 disebabkan kekurangan peruntukan dalam tahun 2014.**
- iii. HL Lubuk Yu, Maran merupakan tempat yang amat terkenal satu masa dahulu dengan sungai dan lokasi yang sesuai untuk perkelahan keluarga. Bagaimanapun pada tahun 2013, berlaku hakisan tanah akibat banjir yang menyebabkan kawasan tersebut kurang menarik serta pengunjung sukar untuk menggunakan tandas dan bilik persalinan. Perkara ini mendatangkan ketidakselesaan kepada pengunjung dan menjelaskan pemandangan hutan lipur. Keadaan hakisan tanah di HL Lubuk Yu, Maran sebelum dan selepas tindakan pembaikan adalah seperti di **Gambar 1.9** dan **Gambar 1.10**.

Gambar 1.9
Hakisan Tanah Berdekatan Tandas
Dan Bilik Persalinan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Lubuk Yu, Maran
Tarikh: 19 Ogos 2014

Gambar 1.10
Keadaan Kerja-kerja Menambak Tanah
Bagi Membalik Pulih Hakisan Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Lubuk Yu, Maran
Tarikh: 18 Disember 2014

- iv. **Maklum balas yang diterima daripada Jabatan bertarikh 18 Disember 2014 menjelaskan, Majlis Daerah Maran telah mengeluarkan peruntukan sejumlah RM0.30 juta dalam suku tahun ketiga 2014 untuk menaik taraf infrastruktur (surau dan tandas). Kerja-kerja ini dijangka siap dalam tahun 2015.**

Pada pendapat Audit, prestasi pengurusan hutan lipur adalah memuaskan kerana pengurusan sumber asli telah diuruskan dengan baik, kemudahan dan aktiviti rekreasi telah disediakan oleh Jabatan di setiap hutan lipur. Selain itu, Jabatan dan PHD juga telah mengambil tindakan penambahbaikan ke atas tasik di HL Gunung Senyum, Temerloh dan masalah hakisan tanah di HL Lubuk Yu, Maran.

1.4.2. Penyenggaraan Kawasan Hutan Lipur

Mengikut Manual Perhutanan Jilid III, penyenggaraan kemudahan infrastruktur dalam hutan lipur hendaklah dirancang dengan teliti dan dibuat secara berkala iaitu sama ada harian, mingguan, bulanan atau tahunan mengikut keperluan sesuatu jenis penyenggaraan. Contoh penyenggaraan berkala adalah seperti penyenggaraan harian iaitu kerja-kerja pungutan sampah, pembersihan tandas dan penjagaan kebersihan am; manakala penyenggaraan mingguan melibatkan penyenggaraan landskap, pelupusan sampah sarap serta pemeriksaan bagi mengesan pokok-pokok dan kemudahan-kemudahan rekreasi yang boleh membahayakan pengguna. Penyenggaraan bulanan pula melibatkan pemotongan rumput dan memangkas pokok hiasan; Sementara penyenggaraan tahunan melibatkan pemberian kerosakan akibat *wear and tear*, mengecat semula infrastruktur dan sebagainya. Kerja-kerja ini akan dilaksanakan oleh Jabatan atau pihak swasta. Semakan Audit mendapati:

- 1.4.2.1. Jabatan ada menyediakan jadual penyenggaraan khusus mengikut aktiviti secara harian, mingguan dan bulanan. Sebagai contoh, PHD Kuantan/Maran telah mewujudkan 2 pasukan iaitu Pasukan A dan Pasukan B. Setiap lawatan ke hutan lipur

akan disertai sekurang-kurangnya 6 hingga 9 orang pegawai untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan hutan lipur pada setiap bulan. Bagi tempoh 2012 hingga September 2014, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM0.14 juta untuk kerja-kerja penyenggaraan kerosakan kecil infrastruktur di 7 hutan lipur yang dilawati. Lawatan Audit mendapati Jabatan telah melaksanakan dengan memuaskan bagi kerja-kerja penyenggaraan kebersihan dan pokok-pokok bahaya. Namun bagi beberapa kemudahan lain belum disenggarakan seperti berikut:

- a. Kemudahan seperti tangga, asrama, tempat memasak, surau, wakaf/ pondok rehat dan bumbung wakaf yang rosak disebabkan telah usang, uzur, dimakan anai-anai dan juga vandalisme. Kemudahan berkaitan di hutan lipur yang dilawati seperti di **Jadual 1.2** dan **Jadual 1.3**.

Jadual 1.2

Kemudahan Di Hutan Lipur Yang Mengalami Kerosakan Di Daerah Kuantan Dan Daerah Maran

Bil.	Jenis Kemudahan	Kawasan Hutan Lipur				Kerosakan
		Berkelah	Sungai Pandan	Pelindung Dan Teluk Cempedak	Bukit Beserah	
1.	Tangga/Jalan Menaiki Bukit/Gunung	✓	✓	✓	✓	
2.	Laluan Pejalan Kaki	✓	✓	✓	✓	
3.	Calet/Kemudahan Penginapan	TD	TD	TD	TD	
4.	Dewan/Dewan Terbuka	✓	✓	TD	TD	
5.	Wakaf	✓	✓	X	X	Rosak disebabkan anai-anai
6.	Surau	✓	✓	TD	X	Rosak disebabkan vandalisme
7.	Tandas / Bilik Persalinan	✓	✓	TD	X	Rosak disebabkan vandalisme
8.	Kerusi Dan Meja Batu	✓	✓	✓	X	Rosak disebabkan vandalisme
9.	Tapak Khemah	✓	✓	TD	✓	
10.	Tempat Letak Kenderaan	✓	✓	✓	✓	
11.	Gerai Makan/Kedai	TD	✓	TD	X	Rosak disebabkan vandalisme
12.	Jambatan/Jambatan Gantung	X	X	TD	TD	Rosak (dalam proses pembaikan)

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota : ✓ -Baik X - Rosak TD - Tidak Disediakan

Jadual 1.3
Kemudahan Di Hutan Lipur Yang Mengalami Kerosakan Di Daerah Temerloh Dan Daerah Bera

Bil.	Jenis Kemudahan	Kawasan Hutan Lipur			Keadaan Kemudahan
		Gunung Senyum	Lubuk Yu	Bukit Bertangga	
1.	Tangga/Jalan Menaiki Bukit/Gunung	X	TD	X	Besi pemegang telah rosak
2.	Laluan Pejalan Kaki	✓	TD	✓	
3.	Calet/Kemudahan Penginapan	X	TD	TD	Uzur, rosak disebabkan anai-anai
4.	Dewan/Dewan Terbuka	✓	TD	✓	Rosak disebabkan anai-anai, vandalism
5.	Wakaf	✓	✓	X	Rosak disebabkan anai-anai
6.	Surau	✓	X	TD	Rosak disebabkan bencana alam dan anai-anai
7.	Tandas / Bilik Persalinan	X	X	X	Rosak disebabkan bencana alam
8.	Kerusi Dan Meja Batu	✓	X	X	Hilang dan rosak akibat vandalism dan bencana alam
9.	Tapak Khemah	✓	✓	✓	
10.	Tempat Letak Kenderaan	✓	✓	✓	
11.	Gerai Makan/Kedai	✓	TD	✓	
12.	Jambatan/Jambatan Gantung	X	TD	X	Rosak
13.	Dataran	X	TD	TD	Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota : ✓ - Baik X - Rosak TD - Tidak Disediakan

- b. Keadaan kemudahan di hutan lipur yang mengalami kerosakan seperti di **Gambar 1.11** hingga **Gambar 1.18**. Kerosakan tersebut bagaimanapun telah diperbaiki selepas teguran Audit.

Gambar 1.11
Keadaan Tempat Memasak Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Bukit Bertangga, Bera
Tarikh: 20 Ogos 2014

Gambar 1.12
Keadaan Tempat Memasak Yang Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Bukit Bertangga, Bera
Tarikh: 18 Disember 2014

Gambar 1.13
Kemudahan Yang Rosak
Akibat Anai-anai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Bukit Bertangga, Bera
Tarikh: 20 Ogos 2014

Gambar 1.15
Keadaan Pondok Yang Telah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Bukit Pelindung, Kuantan
Tarikh: 28 Ogos 2014

Gambar 1.17
Keadaan Tangga Yang
Berkarat Dan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Gunung Senyum, Temerloh
Tarikh: 19 Ogos 2014

Gambar 1.14
Keadaan Kemudahan
Yang Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Bukit Bertangga, Bera
Tarikh: 18 Disember 2014

Gambar 1.16
Keadaan Pondok Yang Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Bukit Pelindung, Kuantan
Tarikh: 18 Disember 2014

Gambar 1.18
Keadaan Tangga
Yang Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Gunung Senyum, Temerloh
Tarikh: 18 Disember 2014

- c. **Maklum balas yang diterima daripada Jabatan bertarikh 26 November 2014 menjelaskan, kerja-kerja penyenggaraan kemudahan di 7 hutan lipur telah dilaksanakan, bagaimanapun bagi infrastruktur yang belum disenggara, kerja-kerja penyenggaraan akan dibuat pada tahun 2015 kerana kekurangan peruntukan.**
- d. Lawatan Audit ke HL Berkelah, Kuantan mendapati jambatan ke hutan lipur tersebut yang rosak belum diperbaiki. Laluan masuk hanya boleh dilalui dengan kenderaan pacuan 4 roda sahaja atau pengunjung perlu meranduk sungai serta berjalan kaki sejauh 1 km untuk sampai ke hutan lipur. Ia disebabkan jambatan ke laluan masuk telah runtuh sejak Jun 2012 akibat banjir. Keadaan jambatan yang runtuh, tempat letak kenderaan dan sungai yang perlu diranduk seperti di **Gambar 1.19** hingga **Gambar 1.22**

Gambar 1.19

Laluan Masuk Dan Jambatan Yang Runtuh Akibat Banjir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Berkelah, Kuantan
Tarikh: 27 Ogos 2014

Gambar 1.20



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Berkelah, Kuantan
Tarikh: 27 Ogos 2014

Gambar 1.21

Laluan Alternatif Yang Hanya Boleh Dilalui Kenderaan Pacuan 4 Roda



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Berkelah, Kuantan
Tarikh: 27 Ogos 2014

Gambar 1.22

Tempat Letak Kenderaan Sementara Pengunjung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Berkelah, Kuantan
Tarikh: 27 Ogos 2014

- e. Semakan Audit selanjutnya mendapati Jabatan telah meluluskan pajakan sementara untuk pengurusan dan penjagaan kemudahan hutan lipur pada tahun 2012 kepada sebuah syarikat swasta. Akibat daripada runtuhnya jambatan tersebut, syarikat berkenaan telah menarik diri daripada menguruskan hutan lipur berkenaan. Pemeriksaan Audit turut mendapati Jabatan ada meletakkan notis pemberitahuan berkenaan kerosakan jambatan di lokasi hutan lipur untuk makluman pengunjung yang datang. Selain itu, selepas teguran Audit Jabatan turut memaparkan maklumat ini dalam laman sesawang Jabatan untuk pengetahuan pengunjung. Keadaan notis pemberitahuan berkenaan jambatan rosak seperti di **Gambar 1.23**.



Gambar 1.23
Notis Pemberitahuan Berkenaan Kerosakan Jambatan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Berkelah, Kuantan
Tarikh: 27 Ogos 2014

- f. **Maklum balas yang diterima daripada Jabatan bertarikh 26 November 2014 menjelaskan, kerja-kerja membaik pulih jambatan yang runtuh tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2014 kerana Jabatan memerlukan peruntukan yang tinggi untuk melaksanakannya. Perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah Kuantan (MJTD), Bil. 06/2014 pada 21 Julai 2014. Minit mesyuarat menyatakan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pahang telah meluluskan peruntukan sebanyak RM0.45 juta untuk membaik pulih jambatan tersebut. Waran peruntukan tersebut telah dihantar kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Pahang oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pahang untuk membaik pulih jambatan tersebut pada tahun 2015.**

Pada pendapat Audit, penyenggaraan di kawasan hutan lipur adalah memuaskan kerana kemudahan sedia ada seperti kerusi rehat, tangga dan wakaf telah diambil tindakan pembinaan. Bagaimanapun, kerja-kerja pembinaan asrama dan surau serta jambatan akan dilaksanakan pada tahun 2015.

1.4.3. Prestasi Kedatangan Pengunjung

- 1.4.3.1. Pencapaian program pengurusan hutan lipur adalah diukur berdasarkan kepada unjuran bilangan pengunjung. Unit Hutan Lipur akan membuat bancian pengunjung dan menyediakan Laporan Bilangan Pelawat/Pengunjung ke hutan lipur/taman negeri pada setiap bulan. Statistik pengunjung di 7 hutan lipur bagi tempoh 2012 hingga Ogos 2014 adalah seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4
Statistik Pengunjung Ke Hutan Lipur Yang Dilawati
Bagi Tempoh 2012 Hingga Ogos 2014

Bil.	Hutan Lipur	Bilangan Pengunjung (Orang)		
		2012	2013	2014 (Ogos)
1.	Sungai Pandan	152,541	176,366	102,605
2.	Bukit Pelindung Dan Teluk Cempedak	63,214	74,990	36,749
3.	Bukit Beserah	70,115	77,274	15,103
4.	Berkelah	59,710	77,548	29,169
5.	Lubuk Yu	50,315	56,549	21,823
6.	Gunung Senyum	67,562	92,674	33,888
7.	Bukit Bertangga	37,834	43,824	14,934
Jumlah Keseluruhan		501,291	599,225	254,271
Perbandingan Dengan Tahun Sebelum(%)			19.5	

Sumber : Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

1.4.3.2. Jadual di atas menunjukkan peningkatan seramai 97,934 orang pengunjung atau 19.5% ke 7 hutan lipur ini pada tahun 2013 berbanding dengan tahun 2012. HL Sungai Pandan, Kuantan mencatatkan bilangan pengunjung yang paling tinggi iaitu seramai 176,366 orang pada tahun 2013. Perkara ini menunjukkan peningkatan seramai 23,825 orang atau 15.6% berbanding tahun 2012. Selain itu, sehingga Ogos 2014 kehadiran pengunjung yang melawati HL Sungai Pandan, Kuantan adalah seramai 102,605 orang iaitu yang tertinggi antara 7 hutan lipur. Manakala, HL Bukit Bertangga, Bera pula mencatatkan bilangan pengunjung yang paling rendah antara 7 hutan lipur iaitu seramai 43,824 orang pengunjung pada tahun 2013. Bagaimanapun, terdapat peningkatan seramai 5,990 orang atau 15.8% ke hutan lipur tersebut berbanding tahun 2012.

Pada pendapat Audit, prestasi pengunjung ke 7 hutan lipur adalah baik.

1.4.4. Penswastaan Hutan Lipur

1.4.4.1. Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Tanah dan Kewangan pada 19 April 1989, telah memutuskan untuk menswastakan pengurusan HL Kem Nusa dengan tempoh sewaan dari setahun ke setahun. Pengusaha dikehendaki membayar RM8,250 setahun iaitu sewa pajakan serta deposit sejumlah RM2,000 kepada Jabatan dan didapati tiada tunggakan bayaran sewa pajakan.

1.4.4.2. Seterusnya, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang (MMK) yang bermesyuarat pada 14 Januari 2004 juga telah bersetuju melantik pengusaha swasta bagi menguruskan kemudahan-kemudahan seperti tandas, bilik persalinan, kedai cenderamata serta kemudahan lain di HL Sungai Pandan. Pengusaha dibenarkan untuk mengurus (pajakan) hutan lipur ini dengan diberi Permit Penggunaan selama 5 tahun dan tambahan 5 tahun sambungan sebagai pilihan tertakluk kepada prestasi kerja pengusaha. Permit

Penggunaan ini dikeluarkan khas bagi tujuan pajakan pengurusan hutan lipur dan ia berkuat kuasa selama 12 bulan. Mengikut keputusan MMK tersebut, pengusaha dikehendaki membayar wang pajakan RM5,000 setahun serta deposit sejumlah RM2,000 untuk tempoh 2 tahun kepada Jabatan. Mulai tahun 2009, wang pajakan telah dinaikkan kepada RM8,000 setahun. Lawatan Audit ke HL Sungai Pandan, Kuantan mendapati keadaan persekitaran hutan lipur adalah memuaskan seperti tandas, bilik persalinan, surau dan dewan ada disediakan serta berada dalam keadaan bersih. Temu bual dengan pegawai Jabatan mendapati prestasi pengusaha hutan lipur adalah di tahap memuaskan. Selain itu, temu bual dengan pengunjung juga memberi respons yang positif terhadap kemudahan dan persekitaran hutan lipur tersebut.

1.4.4.3. Bagaimanapun, dokumen perjanjian tidak disediakan di antara Jabatan dan kedua-dua pengusaha sejak ia ditawarkan iaitu pengusaha di HL Kem Nusa bermula tahun 1989 dan pengusaha di HL Sungai Pandan pada tahun 2004. Ia menyebabkan tindakan undang-undang tidak dapat dilaksanakan sekiranya pengusaha melanggar syarat. **Maklum balas yang diterima daripada Jabatan bertarikh 26 November 2014 menjelaskan, draf dokumen perjanjian di antara Jabatan dan operator swasta bagi HL Sungai Pandan dan HL Kem Nusa sedang disediakan. Bagaimanapun draf perjanjian tersebut perlu dikemukakan kepada Penasihat Undang-undang Negeri Pahang untuk diteliti sebelum ia dipersetujui.**

Pada pendapat Audit, penswastaan pengurusan kemudahan di hutan lipur adalah baik dengan tahap kebersihan yang memuaskan, kemudahan yang disediakan mencukupi dan memberi keselesaan kepada pengunjung. Bagaimanapun, dokumen kontrak dengan kedua-dua pengusaha tersebut perlu ditandatangani segera.

1.4.5. Pewartaan Hutan Lipur

1.4.5.1. Seksyen 10(1)(a) hingga (h), Akta Perhutanan Negara 1984, menjelaskan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh mengelaskan Hutan Simpanan Kekal bagi maksud penggunaan hutan sebagai hutan lipur dengan mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) dan diwartakan melalui pemberitahuan dalam Warta bagi membolehkan pengurusan hutan lipur dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan. Selain itu, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2005 di perenggan 5.2.6.(a) melaporkan tentang 5 kawasan hutan lipur yang belum diwarta kerana proses pewartaan hanya dilakukan setelah hutan lipur dimajukan. Senarai hutan lipur yang belum warta seperti yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2005 seperti di **Jadual 1.5.**

Jadual 1.5
Senarai Hutan Lipur Yang Belum Warta Dalam LKAN Tahun 2005

Bil.	Hutan Lipur	Keluasan Dimajukan (Hektar)	Tahun Dibuka
1.	Sg. Chamang, Bentong	10	1986
2.	Kemasul, Temerloh	5	1987
3.	Jerangsang, Lipis	10	1997
4.	Paya Pasir, Temerloh	7	1999
5.	Bukit Berserah, Kuantan	5	2006
Jumlah Keluasan		37	

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.5.2. Semakan Audit mendapati 2 daripada 5 hutan lipur yang telah dilaporkan dalam LKAN Tahun 2005 tersebut telah diwartakan pada 11 Januari 2010 iaitu HL Jerangsang, Lipis dan HL Bukit Berserah, Kuantan. Sehingga September 2014, Jabatan masih belum mewartakan 10 buah lagi hutan lipur yang telah dimajukan dengan menyediakan kemudahan asas seperti tandas, bilik persalinan dan tempat berekreasi seawal tahun 1983 hingga tahun 2005. Senarai hutan lipur yang belum diwartakan sehingga September 2014 seperti di **Jadual 1.6**. Kelewatan pewartaan ini disebabkan Jabatan dalam proses mengenal pasti sempadan hutan lipur di lapangan.

Jadual 1.6
Hutan Lipur Yang Belum Diwartakan Sehingga September 2014

Bil.	Tahun Hutan Lipur Dibuka	Hutan Lipur	Tempoh Kelewatan Pewartaan (Tahun)	Keluasan Hutan Lipur (Hektar)
1.	1983	Lentang, Bentong	31	24.0
2.	1985	Teladas, Maran	29	5.0
3.	1986	Sg. Chamang, Bentong	28	10.0
4.	1987	Kemasul, Temerloh	27	5.0
5.	1990	Konifer, Bentong	24	5.0
6.	1999	Paya Pasir, Temerloh	15	7.0
7.	2000	Sg. Pauh, Cameron Highlands	14	2.0
8.	2000	Lubuk Yu, Maran	14	5.0
9.	2000	Jeriau, Raub	14	5.0
10.	2005	Lata Lembik, Raub	9	5.0

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

1.4.5.3. Maklum balas yang diterima daripada Jabatan bertarikh 18 Disember 2014 menjelaskan, 10 buah HL yang dimaksudkan terletak dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang telah diwartakan di bawah Seksyen 7, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313). Oleh itu, untuk pengurusan jangka masa panjang ke atas 10 buah HL tersebut adalah terjamin kerana berada dalam kawasan HSK yang telah diwartakan. Jabatan juga dalam tindakan untuk menukar status HL Kemasul, HL Paya Pasir dan HL Konifer kepada Hutan Pelajaran disebabkan kedudukan hutan lipur tersebut yang kurang strategik mendorong kurangnya pengunjung. Untuk

tahun 2014, pewartaan akan dibuat untuk HL Lentang dan HL Chamang. Kerja-kerja mengenal pasti di lapangan kawasan yang sesuai untuk diwartakan sebagai hutan lipur bagi kawasan tersebut sedang dijalankan. Dijangkakan kerja-kerja pewartaan untuk 2 hutan lipur ini akan siap sepenuhnya dalam tahun 2015. Manakala baki untuk 5 hutan lipur yang belum diwartakan akan diwartakan pada tahun-tahun berikutnya selaras dengan kehendak Teras 7; Pelan Tindakan Perancangan Strategik Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 2008 – 2020 (Pindaan 2010).


Pada pendapat Audit, tindakan pewartaan keluasan hutan lipur adalah memuaskan kerana Jabatan dalam proses mengelaskan 3 hutan lipur tersebut sebagai Hutan Pelajaran manakala 7 lagi hutan lipur dalam tindakan pewartaan.

1.4.6. Maklum Balas Soal Selidik

1.4.6.1. Bagi menilai dan mempertingkat mutu pengurusan hutan lipur Negeri Pahang, pihak Audit telah mengedarkan sebanyak 150 borang soal selidik kepada pengunjung di sekitar 7 hutan lipur yang dilawati. Tujuan soal selidik ini diedarkan adalah untuk mengetahui tahap kepuasan pengunjung terhadap kemudahan dan tarikan yang disediakan di hutan lipur serta kesanggupan pengunjung untuk membayar fi masuk.

1.4.6.2. Antara kemudahan di hutan lipur adalah seperti tempat letak kenderaan, tandas, pondok rehat/wakaf, surau dan trek jogging. Analisis Audit mendapati 51.1% pengunjung berada di tahap berpuas hati hingga sangat puas hati dengan kemudahan yang disediakan seperti denai hutan, kawasan perkhemahan, notis pemberitahuan keselamatan dan surau. Manakala, sebanyak 44.1% pengunjung berada di tahap kurang puas hati hingga tidak puas hati terhadap kemudahan seperti pondok rehat. Butiran terperinci seperti di **Carta 1.1**.


Carta 1.1
Kemudahan Yang Disediakan Di Hutan Lipur



Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.6.3. Analisis Audit terhadap tahap kepuasan pengunjung untuk 7 jenis tarikan di hutan lipur pula mendapati 60.2% pengunjung berada di tahap berpuas hati hingga sangat berpuas hati terhadap tarikan di hutan lipur seperti berkelah, air terjun dan trekking. Butiran terperinci seperti di **Carta 1.2**.

Carta 1.2
Tarikan Di Hutan Lipur



Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.6.4. Analisis Audit turut mendapati 75 daripada 150 orang pengunjung atau 50.0% daripada keseluruhan responden menyatakan kesanggupan mereka untuk membayar fi masuk sekiranya Jabatan melaksanakan kutipan. Manakala, 70 orang atau 46.7% pengunjung pula berpendapat tidak sanggup membayar. Selain itu, berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan terdapat beberapa cadangan pengunjung seperti mempertingkatkan kemudahan dan keselesaan tandas, surau dan pondok rehat/wakaf untuk pengunjung. Kemudahan yang dibina perlu mengambil kira bahan binaan yang tahan lama dan sesuai untuk digunakan dalam persekitaran hutan lipur serta mengambil tindakan penyenggaraan terhadap kemudahan yang rosak disamping mempertingkatkan kemudahan awam di hutan lipur agar selesa untuk dikunjungi.

Pada pendapat Audit, majoriti pengunjung berpuas hati terhadap kemudahan dan tarikan yang disediakan oleh Jabatan. Selain itu, pengunjung juga menyatakan kesanggupan membayar untuk masuk ke hutan lipur. Bagaimanapun, penyenggaraan kemudahan di sesetengah hutan lipur juga perlu dipertingkatkan agar menjadi lebih selesa dan kondusif kepada pengunjung untuk berekreasi.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan hutan lipur, adalah disyorkan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

- 1.5.1.** Membuat kajian menyeluruh berhubung kesesuaian penswastaan semua pengurusan hutan lipur berdasarkan prestasi 2 hutan lipur yang telah diswastakan.
- 1.5.2.** Memastikan kesemua hutan lipur diwartakan segera.
- 1.5.3.** Memantau kerja penyenggaraan kawasan persekitaran dan kemudahan di hutan lipur supaya terpelihara dan disenggarakan dengan sempurna bagi menjamin keselamatan pengunjung.

MAJLIS DAERAH PEKAN MAJLIS DAERAH RAUB

2. PENGURUSAN HASIL CUKAI TAKSIRAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Cukai taksiran atau cukai pintu adalah cukai yang dikenakan kepada pemilik harta-harta yang merangkumi rumah kediaman, bangunan perniagaan, bangunan perindustrian, tanah kosong, ladang dan sebagainya. Cukai taksiran wajib dibayar seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 127 (Akta 171) Akta Kerajaan Tempatan 1976 kecuali bagi harta-harta seperti tempat keagamaan yang diiktiraf, tanah-tanah perkuburan, sekolah awam dan tempat awam bagi maksud sains, sastera atau seni halus.

2.1.2. Majlis Daerah Pekan (MDP) ditubuhkan pada 1 Julai 1988 melalui Warta Kerajaan Negeri Pahang dengan keluasan kawasan Majlis 2,351.80 kilometer persegi dan kawasan operasi 399.44 kilometer persegi. Manakala Majlis Daerah Raub (MDR) ditubuhkan melalui Warta Kerajaan Negeri Pahang pada 04 Jun 1981 berkuat kuasa pada 01 Julai 1981 merangkumi kawasan seluas 110.31 kilometer persegi. Kawasan operasi bagi MDR adalah seluas 68.23 kilometer persegi.

2.1.3. Cukai taksiran merupakan penyumbang utama hasil tahunan bagi MDP dan MDR. Jumlah hasil cukai taksiran yang dikutip bagi tahun 2012 hingga Jun 2014 adalah seperti **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Hasil Cukai Taksiran MDP Dan MDR Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Pihak Berkuasa Tempatan	Jumlah Pegangan (Tahun 2014)	Hasil Cukai Taksiran/Tahun		
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Majlis Daerah Pekan	13,550	6.14	5.82	5.34
Majlis Daerah Raub	13,878	4.78	4.52	3.33

Sumber: Majlis Daerah Pekan Dan Majlis Daerah Raub

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan hasil cukai taksiran oleh MDP dan MDR telah diurus dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan pengurusan hasil cukai taksiran telah dijalankan di MDP dan MDR meliputi pengurusan hasil cukai taksiran bagi tahun 2012 hingga 2014 dan tahun-tahun sebelumnya dimana perlu. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan pengurusan hasil cukai taksiran seperti fail cukai taksiran, warta berkaitan kadar-kadar cukai, tunggakan cukai, pengiraan cukai taksiran, bantahan cukai, pengecualian cukai dan sebagainya dengan mengkaji dan menganalisis data yang terlibat. Selain itu, lawatan ke lokasi permohonan tambahan/pindaan bangunan dan kawasan perumahan/bangunan baru serta temu bual dengan pegawai di MDP dan MDR juga telah diadakan. *Exit Conference* bersama Yang DiPertua MDP dan Yang DiPertua MDR telah diadakan pada 10 Disember 2014 yang turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan MDP dan MDR.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2014 mendapati secara keseluruhan pengurusan hasil cukai taksiran di MDP dan MDR adalah memuaskan. Beberapa aspek seperti proses kutipan cukai, pengurusan bantahan cukai, pengecualian cukai dan caruman bantu kadar telah dilaksanakan dengan teratur. Bagaimanapun, beberapa perkara memerlukan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- Asas nilaiann cukai masih menggunakan asas nilaiann tahun 1992.
- Penilaian semula kadar cukai terhadap pindaan dan tambahan bangunan tidak dibuat.
- Tunggakan hasil cukai taksiran yang tinggi.
- Kawasan operasi tidak menyeluruh.

2.4.1. Prestasi Kutipan Hasil Cukai


2.4.1.1. Hasil cukai taksiran merupakan hasil utama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Lebih 40% daripada jumlah pendapatan MDP dan MDR adalah daripada hasil cukai taksiran. Semakan Audit terhadap prestasi kutipan hasil cukai taksiran di MDP dan MDR bagi tahun 2011 hingga 2013 mendapati kutipan hasil meningkat pada tahun 2012 berbanding 2011, namun menurun semula pada tahun 2013. Semakan Audit seterusnya mendapati trend ini adalah tidak selari dengan trend bilangan pegangan bagi kedua-dua PBT tersebut yang semakin bertambah pada setiap tahun seperti di **Jadual 2.2** dan **Carta 2.1**.

Jadual 2.2
Hasil Cukai Taksiran MDP Dan MDR Bagi Tahun 2011 Hingga 2013
Berbanding Hasil Lain Dan Jumlah Pegangan

Kod Hasil	Jenis Hasil	Tahun					
		2011		2012		2013	
		MDP (RM Juta)	MDR (RM Juta)	MDP (RM Juta)	MDR (RM Juta)	MDP (RM Juta)	MDR (RM Juta)
60000	Hasil Cukai	5.39	3.62	6.14	4.78	5.82	4.52
70000	Hasil Bukan Cukai	4.42	2.00	2.47	2.06	3.92	2.24
80000	Terimaan Bukan Hasil	3.32	2.63	3.18	2.05	4.08	3.19
Jumlah		13.13	8.25	11.79	8.89	13.82	9.95
Jumlah Pegangan		11,776	13,339	12,924	13,445	13,318	13,722

Sumber: Majlis Daerah Pekan Dan Majlis Daerah Raub

Carta 2.1
Prestasi Kutipan Cukai Taksiran MDP Dan MDR Bagi Tahun 2011 Hingga 2013



Sumber: Majlis Daerah Pekan Dan Majlis Daerah Raub

2.4.1.2. Maklum balas yang diterima daripada MDR bertarikh 10 Disember 2014 menjelaskan, MDR mempunyai banyak kawasan taman perumahan yang terletak dalam kawasan operasi Majlis. Setiap tahun pertambahan kawasan perumahan akan menyumbang kepada peningkatan cukai taksiran MDR. Dengan pembesaran kawasan operasi nanti akan meningkatkan lagi hasil cukai MDR. Trend kutipan MDR menurun pada tahun 2013 adalah kerana penurunan kutipan tunggakan cukai taksiran berbanding tahun 2012. Selain itu terdapat juga pengecualian dan pembatalan cukai bagi bangunan yang usang dan dirobohkan.

2.4.2. Asas Nilaian Tahunan Cukai Taksiran

2.4.2.1. Seksyen 137, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) menetapkan Majlis perlu menyedia dan menyiapkan Senarai Nilaian bagi pegangan yang tidak dikecualikan daripada pembayaran kadar seperti berikut:

- a. Nama jalan atau tempat di mana pegangan itu terletak;
- b. Perihal pegangan itu sama ada dengan nama atau nombor yang cukup untuk mengenalinya;
- c. Nama pemunya atau penduduknya jika diketahui;
- d. Nilai tahunan atau nilai tambah pegangan itu.

2.4.2.2. Seksyen 137 (2) dan (3) pula menyatakan Senarai Nilaian bersama dengan pindaan yang dibuat di bawah Seksyen 144 (pindaan kepada Senarai Nilaian) hendaklah diteruskan berkuat kuasa sehingga ia digantikan dengan Senarai Nilaian yang baru. Senarai Nilaian baru hendaklah disedia dan disiapkan setiap 5 tahun atau satu tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

2.4.2.3. Semakan Audit terhadap Senarai Nilaian di MDP dan MDR mendapati Senarai Nilaian semasa yang diguna pakai adalah asas nilai yang diluluskan pada tahun 1992 oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang (MMK) Bilangan 21 tahun 1992. Ini bermakna setiap harta baru akan dinilai menggunakan asas sewa atau data perbandingan pada tahun 1992.

2.4.2.4. Semakan Audit selanjutnya mendapati, berikutan keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang (MMK) Yang Ke 19/2004 pada 28 Julai 2004 bersetuju supaya Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang (PBT) membuat penilaian semula Senarai Nilaian mulai tahun 2004 dan akan digunakan mulai tahun 2007. Berikutnya Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang telah mengeluarkan surat sekali lagi kepada semua PBT bertarikh 26 September 2007 supaya setiap PBT menyediakan Senarai Nilaian baru untuk dikemukakan kepada MMK.

2.4.2.5. Sehubungan itu, pada tahun 2005 MDP telah melantik 2 syarikat konsultan iaitu Syarikat Intra Harta Consultant Sdn. Bhd. Dan Syarikat Raine & Horne bagi melaksanakan kerja-kerja penilaian semula pegangan MDP dengan bayaran yuran konsultan yang berjumlah RM0.65 juta dan RM0.36 juta masing-masing dan jumlah keseluruhannya RM1.01 juta. MDP telah menyediakan Kertas Kerja (Bil. 1/2008.SUK.PHG/KT/003) dan telah dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar Dan Kesihatan Negeri Pahang Pada 14 April 2008.

2.4.2.6. Analisis Audit terhadap kertas kerja tersebut mendapati implikasi kewangan yang akan diperoleh MDP jika nilai semula tersebut dilaksanakan pada tahun 2009 adalah tambahan cukai yang berjumlah RM5.02 juta seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Implikasi Kewangan Yang Diperoleh MDP Selepas Nilaian Semula Dilaksanakan

Bil.	Mukim	Senarai Nilaian Sekarang			Senarai Nilaian Baru		
		Jumlah Pegangan	Nilaian Tahunan (RM)	Hasil Cukai (RM)	Jumlah Pegangan	Nilaian Tahunan (RM)	Hasil Cukai (RM)
1.	Pekan	4450	21,475,726	1,673,172	5967	38,315,866	2,527,377
2.	Pahang Tua	2531	3,859,102	179,126	3251	7,800,620	287,676
3.	Langgar	917	4,117,606	336,004	959	13,258,348	1,232,113
4.	Kuala Pahang	987	9,282,500	504,253	1955	33,366,205	2,495,498
5.	Bebar	376	26,122,714	680,462	694	48,740,084	1,872,329
6.	Tanah Kesultanan	1162	9,958,490	534,636	1274	8,690,190	361,185
7.	Temai	8	1,049,360	5,928	10	1,385,040	7,408
8.	Lepar	131	4,582,600	99,294	157	7,411,818	67,702
9.	Pulau Manis	46	2,375,120	16,085	43	4,008,100	31,240
10.	Penyor	482	1,284,690	33,888	4556	7,135,226	196,856
11.	Ganchong	9	29,040	1,176	27	71,520	2,892
12.	Pulau Rusa	10	12,000	735	8	15,720	747
Jumlah		11,109	84,148,948	4,064,759	18,901	170,198,737	9,083,023

Sumber: Majlis Daerah Pekan

2.4.2.7. Semakan Audit mendapati MDR juga telah melaksanakan kerja-kerja penilaian semula bagi semua pegangannya pada tahun 2006. Kerja-kerja penilaian semula di MDR dijalankan oleh kakitangan MDR sendiri. Namun kerja-kerja penilaian semula ini tidak dapat disiapkan kerana kekurangan kakitangan.

2.4.2.8. Maklum balas yang diterima daripada MDP bertarikh 9 Disember 2014 menjelaskan, satu Kertas Kerja (Bil. 1/2008.SUK.PHG/KT/003) telah dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar Dan Kesihatan Negeri Pahang Pada 14 April 2008. Bagaimanapun, keputusan mengenai nilai semula tersebut masih belum ada sehingga kini.

2.4.2.9. Maklum balas yang diterima daripada MDR bertarikh 10 Disember 2014 pula menjelaskan, MDR telah melaksanakan kerja-kerja penilaian semula mulai tahun 2005 oleh kakitangan Jabatan Penilaian sendiri kerana faktor kewangan Majlis. Oleh kerana keputusan mengenai asas nilai ini masih belum dikeluarkan oleh PBN maka MDR masih menggunakan asas nilai tahun 1992 sebagai asas dalam mengenakan cukai bagi bangunan-bangunan baru. Sekiranya Senarai Nilaian Baru diguna pakai, anggaran hasil cukai taksiran yang akan diperoleh oleh MDR adalah RM5.30 juta mengikut kadar sewa pada tahun 2005. (Berdasarkan kertas kerja yang disediakan pada tahun 2005).

Pada pendapat Audit, asas nilai cukai taksiran yang tidak mengikut keadaan semasa menyumbang kepada kekurangan hasil PBT kerana perkiraan adalah berasaskan nilai pada 22 tahun yang lepas.

2.4.3. Penilaian Semula Tidak Dibuat Terhadap Pegangan Yang Diubahsuai.

Seksyen 144 (b) dan (c), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) menetapkan pindaan penilaian ke atas pegangan akan dibuat sekiranya berlaku sebarang perubahan terhadap pegangan tersebut seperti kerja-kerja ubah suai, mengubah, meruntuh atau membina semula bangunan yang akan mengakibatkan nilai pegangan itu naik atau turun. Semakan Audit terhadap kerja-kerja ubah suai dan tambahan bangunan mendapati perkara seperti berikut:

2.4.3.1. Pindaan Dan Tambahan Bangunan Tanpa Kelulusan

- a. Setiap pindaan dan tambahan bangunan hendaklah mendapat kelulusan PBT terlebih dahulu sebelum sesuatu kerja itu boleh dilakukan. Setiap permohonan pindaan dan tambahan bangunan hendaklah dihantar ke Bahagian Pusat Setempat di MDP dan Jabatan Perancang Pembangunan Dan Lanskap di MDR. Semakan Audit terhadap pindaan penilaian ke atas pegangan bagi tempoh 2012 hingga 2014 mendapati bilangan permohonan pindaan dan tambahan bangunan adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Bilangan Permohonan Pindaan Dan Tambahan Bangunan

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun			Jumlah
		2012	2013	2014 (Sehingga Julai)	
1.	Majlis Daerah Pekan	0	9	6	15
2.	Majlis Daerah Raub	88	83	40	211

Sumber: Majlis Daerah Pekan Dan Majlis Daerah Raub

- b. Lawatan Audit ke 5 taman perumahan di sekitar Daerah Pekan pada 4 September 2014 mendapati 14 pemilik pegangan melakukan pindaan dan tambahan bangunan tanpa kelulusan MDP. Pihak Audit mendapati keadaan ini berlaku adalah disebabkan tiada pemantauan secara berkala dijalankan oleh Bahagian Penguat kuasa MDP di kawasan operasi. Bilangan pegangan yang ditemui membuat pindaan dan tambahan bangunan tanpa kelulusan mengikut taman perumahan yang dilawati adalah seperti di **Jadual 2.5**. Manakala antara pindaan dan tambahan bangunan yang dibuat oleh pemilik pegangan adalah seperti **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.6**.

Jadual 2.5
Bilangan Pegangan Yang Membuat Pindaan Dan Tambahan Bangunan Tanpa Kelulusan Mengikut Taman Perumahan Yang Dilawati

Bil.	Taman Perumahan Yang Dilawati	Bilangan Pegangan
1.	Lorong Seri Setia 2	1
2.	Taman Ketapang Selesa	2
3.	Taman Ketapang Indah 2	2
4.	Alur Ara Kenanga 1	1
5.	Taman Ketapang Indah 1	1
6.	Taman Jambu Jaya	2
7.	Taman Tanah Putih	5
Jumlah		14

Sumber: Majlis Daerah Pekan

Gambar 2.1
Bangunan Tambahan Di Bahagian Belakang Bangunan Rumah Kembar Setingkat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Tanah Putih, Pekan
Tarikh: 4 September 2014

Gambar 2.2
Bangunan Tambahan Di Bahagian Tepi Bangunan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Tanah Putih, Pekan
Tarikh: 4 September 2014

Gambar 2.3
Bangunan Tambahan Di Bahagian Belakang Bangunan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Ketapang Indah, Pekan
Tarikh: 4 September 2014

Gambar 2.4
Bangunan Tambahan Di Bina Sehingga Ke Pagar Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Ketapang Indah, Pekan
Tarikh: 4 September 2014

Gambar 2.5
Tambahkan Bangunan
Di Bahagian Tepi Bangunan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Ketapang Selesa, Pekan
Tarikh: 4 September 2014

Gambar 2.6
Tambahkan Bangunan Di Bahagian
Belakang Dan Tepi Bangunan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Ketapang Selesa Pekan
Tarikh: 4 September 2014

- c. Bagaimanapun, lawatan Audit ke 9 taman perumahan MDR pada 17 September 2014 mendapati tiada kes pemilik pegangan melakukan pindaan dan tambahan bangunan tanpa kelulusan.
- d. **Maklum balas yang diterima daripada MDP bertarikh 9 Disember 2014 menjelaskan, bagi mengatasi masalah di atas MDP telah mengambil beberapa tindakan dan inisiatif seperti bercadang menubuahkan satu task force bagi menyiasat dan memantau mana-mana pegangan yang melakukan pindaan dan tambahan bangunan tanpa kelulusan.**

2.4.3.2. Pindaan Dan Tambahan Bangunan Tidak Mengikut Pelan Kelulusan

- a. Setiap kerja-kerja pindaan dan tambahan bangunan hendaklah mendapat kelulusan PBT. Apabila kelulusan telah diperoleh, pemilik pegangan juga perlu memastikan pindaan dan tambahan yang dibuat adalah mengikut syarat-syarat kelulusan yang telah ditetapkan oleh PBT. Pelan bangunan tersebut hendaklah disediakan dan diperakui oleh pelukis pelan berdaftar. Ketidakpatuhan kepada syarat kelulusan boleh menyebabkan pemilik pegangan dikenakan denda antara 5 hingga 20 kali ganda bayaran proses pelan seperitimana yang dibenarkan di bawah Seksyen 70 (14) Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133).
- b. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 19 sampel fail permohonan pindaan dan tambahan bangunan di MDR dan 6 sampel fail permohonan pindaan dan tambahan bangunan di MDP. Seterusnya lawatan Audit yang dijalankan pada 17 September 2014 di MDR mendapati 7 daripada 19 permohonan tersebut telah melanggar syarat pelan kelulusan seperti di **Jadual 2.6**. Manakala antara pindaan dan tambahan bangunan yang tidak mengikut pelan kelulusan tersebut adalah seperti di **Gambar 2.7** hingga **Gambar 2.10**.

Jadual 2.6
Senarai Pegangan Yang Tidak Mengikut Pelan Kelulusan

Bil.	Alamat Pegangan	No. Rujukan Kelulusan	Bilangan Pegangan
1.	Taman Melewar, Sg Ruan	MDR/JPPL/PKS/28/2014	1
2.	Taman Bunga Angsana, Sg Ruan	MDR/JPPL/PKS/12/2014 MDR/JPPL/PKS/10/2014	2
3.	Taman Kemajuan	MDR/JPPL/PKS/05/2014	1
4.	Taman Bukit Koman	MDR/JPPL/PKS/09/2014	1
5.	Taman Sentosa Indah	MDR/JPPL/PKS/34/2014	1
6.	Taman Raub Jaya 3	MDR/JPPL/PKS/04/2014	1

Sumber: Majlis Daerah Raub

Gambar 2.7
Bangunan Bertutup Sehingga Ke Pagar Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Raub Jaya 3, Raub
Tarikh: 17 September 2014

Gambar 2.8
Bangunan Bertutup Sehingga Ke Pagar Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bukit Koman, Raub
Tarikh: 17 September 2014

Gambar 2.9
Tambahan Bahagian Tepi Bangunan Tidak Mengikut Pelan Kelulusan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bunga Angsana, Raub
Tarikh: 17 September 2014

Gambar 2.10
Pembinaan Ruang Bilik Di Atas Garaj Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bunga Angsana, Raub
Tarikh: 17 September 2014

- c. Semakan Audit terhadap 6 sampel fail permohonan pegangan yang melakukan pindaan dan tambahan bangunan di MDP mendapati kesemuanya telah mengikut pelan kelulusan.

- d. **Maklum balas yang diterima daripada MDR bertarikh 10 Disember 2014 menjelaskan, Bahagian Penguat kuasa MDR ada melakukan rondaan berkala di dalam kawasan Majlis serta mengeluarkan notis kepada pemilik supaya hadir ke Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MDR supaya mengemukakan Pelan Pindaan yang diluluskan dan mengeluarkan kompaun bagi pemilik yang melakukan kesalahan.**

Pada pendapat Audit, hasil cukai taksiran PBT akan ditingkatkan jika setiap pegangan yang membuat pengubahsuaian dikenal pasti dan dibuat penilaian perubahan kadar cukai.

2.4.4. Tunggakan Cukai Taksiran Tinggi

- 2.4.4.1.** Semakan Audit terhadap penyata kewangan MDP dan MDR bagi tempoh 5 tahun iaitu mulai tahun 2009 hingga 2013 mendapati tunggakan cukai taksiran adalah tinggi dan semakin meningkat seperti di **Jadual 2.7.**

Jadual 2.7

Jumlah Tunggakan Hasil MDP Dan MDR Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Pihak Berkuasa Tempatan	Tunggakan Hasil				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
MDP	2.26	1.98	2.21	2.23	2.34
MDR	2.82	2.89	3.19	2.96	3.01
Jumlah	5.08	4.87	5.40	5.19	5.35

Sumber: Majlis Daerah Pekan Dan Majlis Daerah Raub

- 2.4.4.2.** Seksyen 148, 150 dan 151 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) telah menetapkan tindakan perundangan boleh diambil oleh PBT terhadap pemilik pegangan yang mempunyai tunggakan cukai. Antara tindakan perundangan yang boleh diambil ialah menghantar notis tuntutan (Borang E) dan seterusnya tindakan penyitaan. Semakan Audit mendapati, pihak MDP dan MDR sehingga Ogos 2014 telah mengambil tindakan menghantar notis Borang E dan tindakan melalui panel peguam yang dilantik terhadap 7,389 pegangan yang mempunyai tunggakan cukai melebihi RM5,000 hingga RM100,00. Antara pegangan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 2.8.**

Jadual 2.8
Senarai Pegangan Yang Mempunyai Tunggakan Tinggi

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	No. Akaun Pegangan	Jumlah (RM)
1.	Majlis Daerah Raub	13393	123,024
2.	Majlis Daerah Raub	481, 486, 507, 511, 518	68,100
3.	Majlis Daerah Raub	6266, 6269, 6284, 6291, 6294, 6301, 6312, 6314	47,101
4.	Majlis Daerah Raub	11774	37,202
5.	Majlis Daerah Raub	9909	34,284
6.	Majlis Daerah Raub	4166, 6211	33,149
7.	Majlis Daerah Raub	4039	30,560
8.	Majlis Daerah Raub	4253	18,036
9.	Majlis Daerah Raub	5355	13,698
10.	Majlis Daerah Raub	453, 455	13,006
11.	Majlis Daerah Pekan	010110084932	49,636
12.	Majlis Daerah Pekan	010110055401	30,942
13.	Majlis Daerah Pekan	010110114570	25,332
14.	Majlis Daerah Pekan	010310022381	21,123
15.	Majlis Daerah Pekan	010210005981	21,023
16.	Majlis Daerah Pekan	011010114376	14,145
17.	Majlis Daerah Pekan	010110115542	11,850
18.	Majlis Daerah Pekan	010110115677	11,820
19.	Majlis Daerah Pekan	010110052592	11,342
20.	Majlis Daerah Pekan	010110114561	5,354

Sumber: Majlis Daerah Pekan Dan Majlis Daerah Raub

2.4.4.3. Bagaimanapun, Semakan Audit mendapati kesemua 20 pegangan tersebut masih tidak menjelaskan tunggakan berkenaan. Selain sikap pembayar cukai yang tidak mengendahkan notis yang dikeluarkan, terdapat juga pembayar cukai yang tidak dapat dikesan terutama di kawasan Bukit Fraser. Bagaimanapun, kedua-dua Majlis tidak mengambil tindakan lanjut seperti penyitaan permis yang diperuntukkan sebagaimana dalam undang-undang.

2.4.4.4. Maklum balas yang diterima daripada MDP bertarikh 9 Disember 2014 menjelaskan, bagi mengatasi masalah tunggakan cukai taksiran yang tinggi pihak MDP telah mengambil beberapa tindakan dan inisiatif seperti:

- Melantik panel peguam pada 9 Disember 2013 bagi mengutip tunggakan cukai taksiran mengikut kategori, iaitu tunggakan di antara RM500.00 hingga RM999.99 dan tunggakan melebihi RM1,000. Tunggakan cukai yang berjaya dikutip sehingga 31 Disember 2014 melalui panel peguam ini adalah berjumlah RM0.44 juta.**
- Bagi kes tunggakan di bawah RM500 surat secara pentadbiran akan dikeluarkan dan sekiranya tunggakan masih belum dijelaskan sehingga mencecah RM500, tindakan seperti di perenggan (a) akan dilaksanakan.**

- c. Bagi setiap pemilik yang mempunyai tunggakan, kemas kini harta mereka akan dibuat dengan kerjasama Pejabat Daerah Dan Tanah dan Pejabat Tanah Dan Galian Pahang.
- d. Bercadang untuk bekerja sama dengan Kerajaan Negeri supaya antara syarat pindah milik/gadaian tanah ialah perlu menjelaskan cukai taksiran terlebih dahulu sebelum pindah milik/gadaian dilakukan seperti mana yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Negeri Sembilan.

2.4.4.5. Maklum balas yang diterima daripada MDR bertarikh 10 Disember 2014 pula menjelaskan, daripada jumlah keseluruhan tunggakan cukai taksiran MDR yang berjumlah RM3.01 juta, RM1.35 juta atau 44.9% adalah tunggakan bagi kawasan Bukit Fraser. Pemilik pegangan di kawasan Bukit Fraser masih belum menerima hak milik strata dan kebanyakannya daripada pemilik pegangan menetap di luar kawasan Bukit Fraser.

Pada pendapat Audit, tindakan undang-undang seperti penyitaan premis pegangan yang tertunggak perlu diambil secara berterusan.

2.4.5. Kawasan Operasi Cukai Taksiran

2.4.5.1. MDP ditubuhkan pada 1 Julai 1988. Pada 1 Oktober 2002 seluruh kawasan di Daerah Pekan telah diwartakan sebagai kawasan pentadbiran MDP kecuali kawasan hutan simpan dengan keluasan 2,351.80 kilometer persegi berbanding kawasan operasi seluas 399.44 kilometer persegi sahaja. Manakala, MDR pula ditubuhkan pada 1 Julai 1981 merangkumi kawasan seluas 110.31 kilometer persegi dan pada tahun 1997 telah diperluaskan kepada 234.64 kilometer persegi meliputi kawasan Bukit Fraser. Bagaimanapun, Kawasan operasi MDR hanya seluas 96.28 kilometer persegi sahaja.

2.4.5.2. Lawatan Audit pada 13 Oktober 2013 mendapati masih terdapat beberapa kawasan yang terletak di kawasan operasi MDP yang masih belum dikenakan cukai taksiran. Antaranya seperti di kawasan Merchong, Chini dan Temai dan beberapa penempatan yang terletak di Tanjung Agas, Sekukuh, Kuala Pahang dan Langgar yang mempunyai penduduk yang padat tetapi tidak dikenakan cukai seperti di **Gambar 2.11** hingga **Gambar 2.14**.

Gambar 2.11
Pegangan Yang Masih Belum
Dikenakan Cukai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Sekukuh, Pekan
Tarikh: 13 Oktober 2014

Gambar 2.12
Pegangan Yang Masih Belum
Dikenakan Cukai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Sekukuh, Pekan
Tarikh: 13 Oktober 2014

Gambar 2.13
Pegangan Yang Masih Belum
Dikenakan Cukai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Sekukuh, Pekan
Tarikh: 13 Oktober 2014

Gambar 2.14
Pegangan Yang Masih Belum
Dikenakan Cukai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Sekukuh, Pekan
Tarikh: 13 Oktober 2014

2.4.5.3. Manakala, semua penempatan di dalam kawasan operasi MDR telah dikenakan cukai termasuk di Bukit Fraser

2.4.5.4. **Maklum balas yang diterima daripada MDP bertarikh 9 Disember 2014 menjelaskan, keluasan kawasan pentadbiran MDP adalah seluas 2,351.80 kilometer persegi sedangkan kawasan operasi hanya merangkumi kawasan seluas 399.44 kilometer persegi atau 17% sahaja. Terdapat beberapa kawasan yang masih belum dikenakan cukai kerana perkara seperti berikut:**

- a. Kedudukan kawasan yang jauh di pedalaman dan bilangan pegangan yang kecil seperti di kawasan Merchong, Chini dan Temai.
- b. Terdapat kawasan yang mempunyai penduduk yang padat tetapi status tanah yang tidak pasti dan tanah kampung milik individu yang mendirikan kediaman tanpa mengemukakan permohonan kepada MDP seperti di Tanjung Agas, Sekukuh, Kuala Pahang dan Langgar.

2.4.5.5. Namun begitu pada tahun 2015, MDP akan meluaskan kawasan operasi ke sebahagian kawasan di atas seperti di Taman Lamanda Chini Sentosa di Chini, Taman Nenasi Jaya dan Batu 20 Jalan Nenasi Pekan di Nenasi serta Taman Ketapang Bahagia dan Taman Ketapang Satu di Pekan.

Pada pendapat Audit, kawasan operasi yang telah diwartakan sepatutnya dikenakan cukai bagi meningkatkan hasil MDP.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan hasil cukai taksiran dapat diurus dengan lebih cekap, teratur dan mencapai objektif yang ditetapkan adalah disyorkan pihak berkaitan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

2.5.1. Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Negeri perlu mengkaji semula asas nilai dan kadar cukai taksiran yang dikenakan supaya hasil yang dikutip adalah bersesuaian dengan keadaan semasa.

2.5.2. MDP perlu meningkatkan pemantauan terhadap penilaian pegangan yang membuat pengubahsuaian premis supaya mendapat kelulusan terlebih dahulu dan penilaian semula cukai dibuat sewajarnya.

2.5.3. MDP dan MDR hendaklah mengambil tindakan yang lebih berkesan termasuk tindakan undang-undang seperti penyitaan premis terhadap pemilik pegangan yang enggan menjelaskan tunggakan cukai taksiran walaupun telah diberi peringatan berulang kali.

KERAJAAN NEGERI PAHANG

3. PAHANG TECHNOLOGY RESOURCES SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Pahang Technology Resources Sdn. Bhd. (PTR) ditubuhkan pada 30 Mei 2007 dan memulakan operasinya pada tahun 2009. PTR merupakan syarikat milikan penuh Kerajaan Negeri Pahang dengan modal dibenarkan dan modal berbayar berjumlah RM5 juta. PTR telah diberi mandat oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk memperjuangkan inisiatif *Multimedia Super Corridor* (MSC) Malaysia dan merupakan *one stop centre* untuk pembangunan *information and communication technology* (ICT). PTR telah ditugaskan untuk menyelaras dan memantau dengan teliti pelaksanaan semua program bagi memastikan inisiatif MSC Malaysia Pahang mencapai objektif dan menghasilkan impak yang diingini dengan mengemukakan isu dan cadangan kepada kerajaan negeri atau Kementerian dan Agensi Persekutuan berkaitan untuk keputusan lanjut. Objektif penubuhan PTR adalah untuk menjadikan negeri Pahang sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan dalam bidang teknologi maklumat (IT) dan bioteknologi; menyediakan tapak infrastruktur teknologi kepada sektor IT dan bioteknologi sebagai sumber pendapatan baharu untuk meningkatkan ekonomi negeri Pahang; dan mencipta pusat kecemerlangan teknologi.

3.1.2. Selaku MSC Malaysia *Cybercentre* di Pahang, antara peranan yang dimainkan oleh PTR adalah menjadi pusat informasi bagi semua maklumat berkaitan *Cybercentre* dan menyediakan Sistem Pengurusan Perhubungan Pelanggan untuk mengendalikan masalah pelanggan yang menggunakan *Cybercentre*. Selain itu, PTR turut memainkan peranan sebagai pemudahcara di antara pelabur/entiti dengan kerajaan negeri Pahang bagi projek usaha sama dalam bidang bioteknologi disamping mengenal pasti dan mempromosikan pembangunan sektor bioteknologi dengan mengambil kira sumber semula jadi dan kelebihan negeri Pahang. Selaras dengan objektif penubuhannya, PTR turut menjalankan aktiviti menyediakan lot perniagaan, inkubator dan kemudahan kepada perniagaan berasaskan ICT di *Cybercentre*.

3.1.3. PTR diterajui oleh 5 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Pahang. Pengurusan PTR diketuai oleh seorang Pengarah Eksekutif dan dibantu oleh 11 orang kakitangan. PTR adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan serta Surat Arahan Pentadbiran berkaitan syarikat yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan PTR adalah memuaskan serta pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan kewangan, aktiviti utama serta tadbir urus korporat bagi tempoh 2012 hingga 2014. Analisis prestasi kewangan pula dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2009 hingga 2013. Perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai selain pemeriksaan terhadap aset, aktiviti dan kemudahan yang disediakan. *Exit Conference* bersama Pengarah Eksekutif PTR telah diadakan pada 6 Januari 2015 yang turut dihadiri oleh pegawai Eksekutif PTR dan wakil IAM Accounting Services Sdn. Bhd. selaku penyedia akaun syarikat.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga November 2014 mendapati prestasi kewangan PTR adalah kurang memuaskan. PTR mencatat kerugian setiap tahun bagi 5 tahun berturut-turut sekali gus meningkatkan kerugian terkumpul kepada RM2.12 juta pada tahun 2013. Kerugian adalah berikutan pulangan dalam bidang bioteknologi masih belum diperoleh. Begitu juga didapati pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang boleh ditambah baik seperti berikut:

- Ruang inkubator dan lot perniagaan tidak disewakan sepenuhnya.
- Peningkatan kos penyenggaraan lebih tinggi berbanding pendapatan sewa.
- Ahli Lembaga Pengarah tidak bermesyuarat secara berkala.
- Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan.
- Rancangan Korporat serta Garis Panduan dan Prosedur Kerja Pengurusan Kewangan tidak disediakan.
- Baucar bayaran dan dokumen sokongan tidak dicap ‘Telah Bayar’ atau ‘Jelas’.

3.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan PTR, analisis trend dan analisis nisbah telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2009 hingga 2013. Hasil analisis adalah seperti berikut:

3.4.1.1. Analisis Trend

- a. Pahang Technology Resources Sdn. Bhd. (PTR) mengalami kerugian sebelum cukai 5 tahun berturut-turut bagi tempoh 2009 hingga 2013. Kerugian sebelum cukai meningkat sejumlah RM0.59 juta (983.3%) daripada RM0.06 juta pada tahun 2009 kepada RM0.65 juta pada tahun 2010. Bagaimanapun, kerugian menurun sejumlah RM0.46 juta (70.8%) kepada RM0.19 juta pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Pada tahun 2012 dan 2013 pula, kerugian meningkat masing-masing sejumlah RM0.15 juta (78.9%) dan RM0.24 juta (70.6%) kepada RM0.34 juta dan RM0.58 juta berbanding tahun sebelumnya.
- b. Kerugian terkumpul PTR meningkat 5 tahun berturut-turut daripada RM0.36 juta pada tahun 2009 kepada RM1.01 juta, RM1.20 juta, RM1.54 juta dan RM2.12 juta masing-masing pada tahun 2010 hingga 2013. Hal ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.65 juta (180.6%), RM0.19 juta (18.8%), RM0.34 juta (28.3%) dan RM0.58 juta (37.7%) masing-masing pada tahun 2010 hingga 2013 berbanding tahun sebelumnya. PTR mengalami kerugian setiap tahun disebabkan oleh peningkatan dalam jumlah perbelanjaan adalah tinggi berbanding pendapatan sejumlah RM0.59 juta (5,900.0%) pada tahun 2010 serta RM0.15 juta (750.0%) dan RM0.24 juta (2,400.0%) masing-masing pada tahun 2012 dan 2013. Perkara ini berlaku antaranya kerana pulangan daripada aktiviti utama PTR dalam bidang bioteknologi masih belum diperoleh.
- c. Pendapatan utama PTR terdiri daripada sewaan bangunan, inkubator dan fasiliti manakala pendapatan lain adalah diskaun dan faedah deposit tetap. Pendapatan meningkat sejumlah RM0.01 juta (50.0%) kepada RM0.03 juta dan RM0.26 juta (866.7%) kepada RM0.29 juta masing-masing pada tahun 2010 dan 2011 berbanding tahun sebelumnya. Faktor peningkatan adalah yuran pengurusan bagi projek 1 Azam Komuniti IT (1AzamKIT) yang diterima pada tahun 2011 berjumlah RM0.21 juta. Bagaimanapun, pendapatan menurun sejumlah RM0.02 juta (6.9%) kepada RM0.27 juta dan meningkat sejumlah RM0.01 juta (3.7%) kepada RM0.28 juta masing-masing pada tahun 2012 dan 2013 berbanding tahun sebelumnya. Antara faktornya adalah sewaan bangunan meningkat sejumlah RM0.13 juta (162.5%) serta pendapatan baharu daripada sewaan inkubator sejumlah RM0.06 juta pada tahun 2012 dan sewaan fasiliti berjumlah RM0.02 juta pada tahun 2013.
- d. Perbelanjaan PTR terdiri daripada kos langsung serta perbelanjaan pentadbiran, operasi dan kewangan. Perbelanjaan meningkat sejumlah RM0.60 juta (750.0%) kepada RM0.68 juta dan menurun sejumlah RM0.20 juta (29.4%) kepada RM0.48 juta masing-masing pada tahun 2010 dan 2011 berbanding tahun sebelumnya. Antara faktor peningkatan adalah perbelanjaan bagi urusan majlis pelancaran MSC Malaysia Pahang pada bulan Ogos 2009. Pada tahun 2012 dan 2013 pula, perbelanjaan meningkat masing-masing sejumlah RM0.13 juta (27.1%) kepada RM0.61 juta dan RM0.25 juta (41.0%) kepada RM0.86 juta berbanding tahun

sebelumnya. Antara faktor peningkatan adalah peningkatan kos langsung yang terdiri daripada sewaan dan penyelenggaraan bangunan sejumlah RM0.07 juta (43.8%) pada tahun 2012 serta perbelanjaan pentadbiran sejumlah RM0.20 juta (125.0%) bagi sewaan dan penyelenggaraan pejabat serta gaji dan elaun pekerja pada tahun 2013.


- e. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan/kerugian PTR bagi tahun kewangan 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 3.1** dan **Carta 3.1**

Jadual 3.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian PTR
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2013

Butiran	Tahun				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Pendapatan	0.02	0.03	0.29	0.27	0.26
(+) Lain-lain Pendapatan	-	-	-	0.00	0.02
Jumlah Pendapatan	0.02	0.03	0.29	0.27	0.28
(-) Kos Langsung	-	-	0.16	0.23	0.29
Keuntungan/Kerugian Kasar	0.02	0.03	0.13	0.04	-0.01
(-) Perbelanjaan Pentadbiran	0.08	0.66	0.31	0.33	0.55
(-) Perbelanjaan Operasi	0.00	0.02	0.01	0.05	0.02
(-) Perbelanjaan Kewangan	-	0.00	0.00	0.00	0.00
Kerugian Sebelum Cukai	-0.06	-0.65	-0.19	-0.34	-0.58
(-) Percukaian	-	-	-	-	-
Kerugian Selepas Cukai	-0.06	-0.65	-0.19	-0.34	-0.58
Kerugian Terkumpul	-0.36	-1.01	-1.20	-1.54	-2.12

Sumber: Penyata Kewangan PTR

Carta 3.1
Trend Kerugian PTR
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2013



Sumber: Rekod Kewangan PTR

3.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan PTR, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, pulangan ke atas aset dan pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi 5 tahun kewangan iaitu 2009 hingga 2013. Hasil analisis adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Analisis Nisbah PTR Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2013

Butiran	Tahun				
	2009	2010	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	100.42:1	1.35:1	72.30:1	68.61:1	34.68:1
Margin Untung Bersih	-444.9%	-2,361.0%	-65.2%	-123.6%	-223.2%
Pulangan Ke Atas Aset	-0.10	-0.43	-0.10	-0.11	-0.17
Pulangan Ke Atas Ekuiti	-0.10	-1.32	-0.10	-0.14	-0.24

Sumber: Penyata Kewangan PTR

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa digunakan bagi mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat membayar hutang dalam jangka pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati kadar kecairan PTR menurun daripada 100.42:1 pada tahun 2009 kepada 1.35:1 pada tahun 2010. Pada tahun 2011 pula, kadar ini meningkat kepada 72.30:1 dan menurun kepada 68.61:1 dan 34.68:1 masing-masing pada tahun 2012 dan 2013. Bagaimanapun, kadar ini menunjukkan kemampuan aset semasa PTR untuk ditukar segera kepada tunai bagi membayar hutang jangka pendek adalah di tahap baik.

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih digunakan bagi mengukur kadar keuntungan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada aktiviti utama syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati PTR mengalami kerugian bagi setiap hasil yang dipungut bagi tempoh 2009 hingga 2013. Pada tahun 2009, PTR mengalami kerugian 444.9 sen meningkat kepada 2,361.0 sen dan menurun kepada 65.2 sen masing-masing pada tahun 2010 dan 2011. Bagaimanapun kerugian ini meningkat semula kepada 123.6 sen dan 223.2 sen masing-masing pada tahun 2012 dan 2013. Hal ini menunjukkan kedudukan margin untung bersih PTR tidak memuaskan.

c. Pulangan Ke Atas Aset

Pulangan ke atas aset digunakan bagi mengukur pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan yang diperoleh menunjukkan semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati PTR mengalami kerugian bagi setiap ringgit aset yang digunakan bagi tempoh 2009 hingga 2013. Pada tahun 2009, PTR mengalami kerugian 10 sen meningkat kepada 43 sen dan menurun kepada 10 sen masing-masing pada tahun 2010 dan 2011. Pada tahun 2012 dan 2013 pula, kerugian ini meningkat masing-masing kepada 11 sen dan 17 sen. Hal ini menunjukkan kedudukan pulangan ke atas aset PTR tidak memuaskan.

d. Pulangan Ke Atas Ekuiti

Pulangan ke atas ekuiti digunakan bagi mengukur pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit ekuiti yang dilaburkan. Semakin tinggi pulangan yang diperoleh menunjukkan semakin cekap syarikat menguruskan ekuitinya. Analisis Audit mendapati PTR mengalami kerugian bagi setiap ringgit ekuiti yang dilaburkan iaitu daripada 10 sen pada tahun 2009 meningkat kepada 132 sen dan menurun semula kepada 10 sen masing-masing pada tahun 2010 dan 2011. Bagaimanapun kerugian ini meningkat semula kepada 14 sen dan 24 sen masing-masing pada tahun 2012 dan 2013. Hal ini menunjukkan kedudukan pulangan ke atas ekuiti PTR tidak memuaskan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan PTR bagi tempoh 2009 hingga 2013 adalah kurang memuaskan kerana memperoleh kerugian setiap tahun dan menunjukkan peningkatan dalam kerugian terkumpul.

3.4.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan menjamin pencapaian objektif penubuhannya. PTR menjalankan aktiviti dalam bidang bioteknologi dan ICT. Pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti utama PTR mendapati perkara seperti berikut:

3.4.2.1. Bidang Bioteknologi

Aktiviti PTR dalam bidang bioteknologi merangkumi projek usaha sama yang dirancang setelah menerima cadangan daripada mana-mana pihak. Bagi tempoh 2012 hingga September 2014, sebanyak 8 projek telah dirancang seperti di **Jadual 3.3**. Bagaimanapun kesemua projek tersebut masih dalam peringkat awal pelaksanaan dan sedang menunggu kelulusan daripada pihak yang berkenaan.

Jadual 3.3
Projek Bioteknologi Bagi Tempoh 2012 Hingga September 2014

Bil.	Nama Projek	Keterangan Projek
1.	Pahang Applied Advanced Pharma	Penghasilan vaksin denggi.
2.	Pahang Asia Biomass	Membangunkan Pahang Green Techno Park.
3.	Mini Hydro	Membangunkan stesen jana kuasa mini hidro berkapasiti 5 hingga 20mw bagi menghasilkan tenaga daripada Sumber Boleh Diperbaharui (<i>Renewable Energy</i>).
4.	Pahang Global Coconut	Penanaman langsung Kelapa Matag dan Kontrak Pertanian. Membangun dan membina Coconut Integrated Industry Park (CIIP) pada 70 hektar tanah.
5.	JAKOA (RTK)	PTR sebagai pemegang kepentingan sahaja.
6.	Rompin 4,500ac	Membangunkan 4500 ekar tanah bagi tujuan perladangan kelapa sawit.
7.	Coal Fired	Membina sebuah loji tenaga bebas 2X500mw.
8.	Solar Farm	Membangunkan Ladang Solar (Pembekal Tenaga Bebas) menggunakan Advance Thin Film Module.

Sumber: PTR

3.4.2.2. Bidang *Information And Communication Technology (ICT)*

Aktiviti yang dijalankan oleh PTR dalam bidang ICT merangkumi pengurusan hartanah di *Cybercentre* dan program komuniti. PTR turut merancang projek usaha sama dengan Universiti Malaysia Pahang Holdings (UMPH) iaitu *City Data Centre for Cloud Services* bagi membangunkan pusat data hijau di *Cybercentre* pada bulan Mac 2014. Projek ini bagaimanapun masih di peringkat pelaksanaan dan belum mendatangkan hasil.

a. Pengurusan Hartanah Di *Cybercentre*

Cybercentre terdiri daripada 26 lot perniagaan milik Pasdec Corporation Sdn. Bhd. (Pasdec) di mana 5 daripadanya dihuni oleh PTR dengan kadar sewaan RM1,000 hingga RM3,200. PTR telah diberi kebenaran oleh Pasdec untuk menyewakan 21 lot perniagaan yang tidak dihuni kepada pihak ketiga dengan urusan penyelenggaraan ditanggung oleh PTR.

i. Prestasi Penyewaan

- PTR menyediakan 21 lot perniagaan serta inkubator yang terdiri daripada 12 unit *cubicle* dan 4 unit *room* di *Cybercentre* untuk disewakan kepada orang awam dan entiti yang berdasarkan ICT. Penyewaan lot perniagaan bermula pada tahun 2011 manakala penyewaan inkubator bermula pada tahun 2012 dengan kadar antara RM500 hingga RM4,400 sebulan.
- Semakan Audit terhadap penyewaan lot perniagaan mendapat 4 lot telah disewakan pada tahun 2012. Pada tahun 2013 dan 2014, bilangan ini telah meningkat masing-masing kepada 7 lot dan 11 lot. Semakan Audit terhadap penyewaan inkubator pula mendapat 6 unit telah disewakan pada tahun

2012. Bilangan ini telah meningkat kepada 10 unit pada tahun 2013 dan menurun kepada 9 unit pada tahun 2014. Pihak Audit mendapati hal ini berlaku kerana kurangnya sambutan daripada perniagaan yang berasaskan ICT. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Penyewaan Lot Perniagaan Dan Inkubator Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Jenis	Bilangan (Lot/Unit)	Bilangan Yang Telah Disewakan (Lot/Unit)		
		2012	2013	2014
Lot Perniagaan:				
- Atas	10	2	2	2
- Bawah	11	2	5	9
Inkubator	<i>Cubicle</i>	12	3	6
	<i>Room</i>	4	3	4

Sumber: Rekod PTR

- Sehubungan itu, PTR dianggarkan kehilangan hasil sejumlah RM182,000 bagi tempoh 2012 hingga 2014 kesan daripada 17 kekosongan lot perniagaan dan cubicle yang tidak dapat disewakan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Anggaran Kehilangan Hasil Bagi Tempoh 2012 hingga 2014

Jenis	Kadar Sewa/Bulan (RM)	Bilangan Yang Tidak Disewakan (Lot/Unit)					
		2012		2013		2014	
		Unit	Jumlah (RM)	Unit	Jumlah (RM)	Unit	Jumlah (RM)
Lot Perniagaan:							
- Atas	4,400	8	35,200	8	35,200	8	35,200
- Bawah	3,800	9	34,200	6	22,800	2	7,600
Inkubator	<i>Cubicle</i>	500	9	4,500	6	3,000	7
	<i>Room</i>	800	1	800	0	-	0
Jumlah		27	74,700	20	61,000	17	46,300

Sumber: Rekod PTR

- **Maklum balas daripada PTR bertarikh 12 Januari 2015 menjelaskan, lot perniagaan dan inkubator tidak disewakan sepenuhnya kerana terikat dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Multimedia Development Corporation (MDeC) bagi sebuah Cybercentre. Kawasan Cybercentre perlu menempatkan syarikat ICT berstatus MSC ataupun syarikat ICT. Pihak MDeC telah memberikan sedikit kelonggaran kepada lot perniagaan bagi membolehkan kawasan ini didiami oleh syarikat bukan berasaskan ICT lantaran kesukaran mendapatkan syarikat ICT di Pahang. Namun, keutamaan atau peratusan syarikat ICT perlu lebih tinggi berbanding dengan syarikat bukan ICT.**

ii. Penyenggaraan Bangunan

Kos penyenggaraan bangunan di *Cybercentre* terdiri daripada perbelanjaan bagi kawalan keselamatan dan perkhidmatan pembersihan. Analisis Audit mendapati kos penyenggaraan ini meningkat setiap tahun bagi tempoh 2012 hingga 2014. Selanjutnya, pihak Audit mendapati peningkatan kos penyenggaraan adalah tinggi berbanding peningkatan pendapatan sewa pada tahun 2014. Hal ini disebabkan oleh lot dan unit yang tidak disewakan sepenuhnya.

iii. Tunggakan Sewa

Tunggakan sewa terdiri daripada sewa yang masih belum dijelaskan oleh penyewa terhadap lot perniagaan dan inkubator. Analisis Audit mendapati tunggakan sewa meningkat sejumlah RM8,256 (32.3%) daripada RM25,600 pada tahun 2012 kepada RM33,856 pada tahun 2013. Pada tahun 2014 pula, tunggakan sewa meningkat sejumlah RM1,564 (4.6%) berbanding tahun sebelumnya menjadikan tunggakan terkumpul berjumlah RM35,420. Semakan Audit mendapati tunggakan sewa bagi lot perniagaan meningkat sejumlah RM3,800 (13.4%) pada tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya. Manakala tunggakan sewa bagi inkubator menurun setiap tahun sejumlah RM20,044 (78.3%) dan RM2,236 (40.2%) masing-masing pada tahun 2013 dan 2014 berbanding tahun sebelumnya. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.6**. Semakan Audit mendapati PTR telah mengambil tindakan bagi mengutip tunggakan sewa dengan menghantar notis peringatan kepada penyewa dan menghubungi penyewa melalui panggilan telefon.

Jadual 3.6
Tunggakan Sewa Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Jenis Sewaan	Tahun		
	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)
Lot Perniagaan	-	28,300	32,100
Inkubator	25,600	5,556	3,320
Jumlah	25,600	33,856	35,420

Sumber: PTR

b. Program Komuniti

- i. Sejajar dengan inisiatif MSC Malaysia Pahang, PTR dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menjayakan program 1AzamKIT pada tahun 2011. Program ini bertujuan meningkatkan taraf hidup ibu tunggal, komuniti miskin dan Orang Kurang Upaya (OKU) di negeri Pahang khususnya di daerah luar bandar. Peserta telah diberikan kesedaran, pengetahuan asas serta latihan kemahiran berdasarkan ICT bagi membolehkan mereka meningkatkan pengetahuan dan ekonomi keluarga. Melalui program ini,

PTR telah menerima yuran pengurusan sebanyak 3% iaitu RM0.21 juta daripada kos keseluruhan projek berjumlah RM7.1 juta.

- ii. Bagi memastikan kesinambungan program 1AzamKIT, Pusat Induk Komuniti (PIK) yang juga merupakan salah satu komponen bagi program ini diwujudkan di *Cybercentre* pada tahun 2012. PIK memainkan peranan sebagai hab informasi untuk rakyat mendapat dan menyampaikan maklumat melalui ICT. Selain itu, PIK turut dijadikan sebagai pusat latihan bagi kursus jangka pendek berkaitan seni, perisian komputer, kraf tangan dan pengurusan pejabat anjuran entiti/individu berkaitan. Pihak Audit mendapati PIK turut menjalankan aktiviti kebajikan dengan kerjasama entiti/individu berkaitan antaranya seperti cuci kereta amal, singgah sahur dan gotong-royong memasak untuk majlis berbuka puasa.

c. Kemudahan Di Inkubator Dan Pusat Induk Komuniti

- i. PTR memulakan operasi pengurusan sewaan kemudahan di inkubator dan PIK yang dilengkapi dengan internet berkelajuan tinggi pada tahun 2013. Kemudahan yang disediakan terdiri daripada *suite* penyuntingan, bilik latihan, bilik mesyuarat/perbincangan, makmal inkubator, pejabat maya dan lain-lain kemudahan seperti di **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.4**. Selain itu, mesin faks, mesin fotostat dan mesin pencetak turut disediakan.

Gambar 3.1
Suite Penyuntingan



Sumber: PTR

Gambar 3.2
Galeri Pameran



Sumber: PTR

**Gambar 3.3
Bilik Mesyuarat**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 14 Oktober 2014

**Gambar 3.4
Bilik Latihan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 14 Oktober 2014

- ii. PTR telah menyewakan kemudahan tersebut dan memperoleh hasil seawaan sebanyak RM21,044 pada tahun 2013 dan menurun kepada RM12,573 pada tahun 2014.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti PTR kurang memuaskan kerana aktiviti utama yang selaras dengan objektif penubuhan PTR belum berjalan dan aktiviti sampingan yang dijalankan tidak dapat menampung kos operasi PTR.

3.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat serta pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai sebuah syarikat Kerajaan Negeri, PTR adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat PTR mendapati perkara seperti berikut:

3.4.3.1. Lembaga Pengarah

a. Keanggotaan Lembaga Pengarah

- i. Menurut amalan terbaik, Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik hendaklah mendapat kelulusan Lembaga Syarikat Induk dan mempunyai kelayakan dan pengalaman yang bersesuaian dengan aktiviti utama syarikat. Berdasarkan Bahagian 2 AA (IV) Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, 33% keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif. Selain itu, Seksyen 122 Akta Syarikat 1965 menyatakan tiap-tiap syarikat hendaklah

mempunyai minimum 2 orang pengarah yang bermastautin dalam Malaysia. Manakala Seksyen 129 Akta Syarikat 1965 menyatakan had umur pengarah hendaklah tidak melebihi 70 tahun.

- ii. Semakan Audit mendapati Ahli Lembaga Pengarah PTR adalah seramai 5 orang dan menepati Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Pihak Audit mendapati Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik adalah gabungan daripada mereka yang mempunyai kelayakan dan pengalaman sebagai anggota pentadbiran dan Penjawat Awam bagi menjadikan PTR sebuah syarikat yang berdaya saing. Selain itu, pelantikan Ahli Lembaga Pengarah adalah menepati Seksyen 122 dan 129 Akta Syarikat 1965.

b. Mesyuarat Lembaga Pengarah

- i. Menurut amalan terbaik, laporan prestasi dan analisis kewangan perlu dibentangkan kepada Lembaga Pengarah Syarikat Induk sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Lembaga Pengarah perlu bertanggungjawab dan berkuasa penuh dalam membuat dan melaksanakan dasar, perancangan korporat dan pengurusan kewangan yang diluluskan selaras dengan objektif penubuhannya. Bagi merealisasikan perkara tersebut, Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat secara berkala dan teratur. Mesyuarat Lembaga Pengarah yang pertama pada 5 Julai 2007 menetapkan mesyuarat Lembaga Pengarah hendaklah diadakan 2 bulan sekali.
- ii. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah PTR tidak bermesyuarat secara berkala sebagaimana yang ditetapkan. Bagaimanapun, minit mesyuarat telah disedia dan difailkan dengan teratur serta keputusan mesyuarat telah dipantau dengan baik. Selain itu, semakan terhadap minit mesyuarat mendapati laporan prestasi dan analisis kewangan telah dibentangkan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah PTR. Kekerapan mesyuarat Lembaga Pengarah PTR bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Kekerapan Mesyuarat Lembaga Pengarah PTR
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Bilangan Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat
2012	01/2012	08.03.2012
	02/2012	04.06.2012
	03/2012	24.09.2012
	04/2012	18.12.2012
2013	01/2013	06.06.2013
	02/2013	10.10.2013
2014	01/2014	13.01.2014
	02/2014	06.05.2014

Sumber: Rekod PTR

- iii. **Maklum balas daripada PTR bertarikh 22 Disember 2014 menjelaskan, mesyuarat telah diaturkan sebanyak 4 kali setahun namun tidak dapat dianjurkan kerana terikat dengan jadual Ahli Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, PTR akan berusaha untuk mencapai matlamat seperti yang telah tetapkan.**

c. Manfaat Lembaga Pengarah

- i. Antara perkara yang dinyatakan dalam Bahagian 1B Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia adalah manfaat yang diberi mestilah berkaitan sesuatu perkara yang ada hubungan dengan urusan syarikat, prestasi dan pencapaian dalam syarikat serta peringkat pengalaman dan tanggungjawab seseorang pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati manfaat yang diterima Lembaga Pengarah PTR adalah elauan mesyuarat dan elauan pengarah eksekutif. Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2 tahun 2008 telah meluluskan pembayaran elauan mesyuarat sejumlah RM1,500 kepada Pengerusi, RM1,250 kepada Naib Pengerusi dan RM1,000 kepada lain-lain pengarah serta elauan perjalanan sejumlah RM250 kepada pengarah yang berada di luar Kuantan. Elauan Pengarah Eksekutif sejumlah RM3,000 sebulan pula diberikan kepada Pengarah Eksekutif PTR mulai 1 Januari 2009 yang diluluskan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 1 Tahun 2009. Manfaat yang diterima oleh Lembaga Pengarah PTR bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Manfaat Yang Diterima Oleh Lembaga Pengarah PTR
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Jenis Manfaat	Tahun		
		2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)
1.	Elaun Mesyuarat	10,000	13,250	14,000
2.	Elaun Pengarah Eksekutif	36,000	36,000	36,000

Sumber: Rekod PTR

3.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Serta Unit Audit Dalam

Menurut amalan terbaik, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam hendaklah ditubuhkan bagi meningkatkan kawalan terhadap syarikat Kerajaan serta menjaga kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham utama. Pengurus Audit Dalaman Syarikat Induk hendaklah menjadi Setiausaha bagi jawatankuasa serta mempunyai kelulusan dan pengalaman yang berkaitan selain menjadi ahli badan profesional Institut Akauntan Malaysia. Semakan Audit mendapati PTR tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam. **Maklum balas daripada PTR bertarikh 22 Disember 2014 menjelaskan, PTR adalah sebuah syarikat kecil dan segala pemeriksaan dalaman dipantau oleh Pegawai Pentadbiran/Kewangan PTR bersama-sama Pengarah Eksekutif.**

3.4.3.3. Rancangan Korporat

- a. Menurut amalan terbaik, syarikat Kerajaan hendaklah menyedia atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat masing-masing sebagai wawasan syarikat untuk mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang. Rancangan tersebut hendaklah di bentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat. Tujuan utamanya adalah untuk meningkatkan kualiti perancangan dan kawalan ke atas pengurusan syarikat.
- b. Semakan Audit mendapati PTR tidak menyediakan strategi dan rancangan korporat. Berdasarkan kepada temu bual bersama pegawai PTR, pihak Audit dimaklumkan bahawa segala perancangan dan pengurusan PTR adalah berdasarkan kepada keputusan Lembaga Pengarah. **Maklum balas daripada PTR bertarikh 22 Disember 2014 menjelaskan, PTR akan membentangkan strategi dan rancangan korporat syarikat ke dalam mesyuarat Lembaga Pengarah di masa akan datang.**

3.4.3.4. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja – Standard Operating Procedure

Garis Panduan dan Prosedur Kerja - *Standard Operating Procedure* (SOP) yang lengkap dan menyeluruh dapat mempercepatkan operasi juga mempertingkatkan produktiviti syarikat. SOP yang disediakan perlu lengkap dan kemas kini kerana ia merupakan dokumen yang menerangkan secara jelas mengenai operasi, kawalan dalaman, peraturan dan hubungan kerja antara pegawai dan bahagian. Semakan Audit mendapati PTR tidak mempunyai SOP berkaitan pengurusan kewangan. Berdasarkan kepada temu bual bersama pegawai PTR, pihak Audit dimaklumkan bahawa segala pelaksanaan pengurusan PTR adalah berdasarkan kepada arahan Pengarah Eksekutif. **Maklum balas daripada PTR bertarikh 22 Disember 2014 menjelaskan, PTR dalam peringkat penyediaan SOP yang berkenaan.**

3.4.3.5. Pengurusan Kewangan Dan Aset

- a. Penyelenggaraan rekod sama ada secara manual atau berkomputer hendaklah lengkap supaya jejak audit wujud bagi semua jenis transaksi. Seksyen 167, Akta Syarikat 1965 menghendaki syarikat menyimpan rekod kewangan dan rekod lain yang boleh menjelaskan transaksi dan kedudukan kewangan syarikat. Selain itu, aspek kawalan dalaman proses bayaran perlu diberi perhatian bagi membantu mengenal pasti kesilapan, kesalahan dan penipuan. Semakan Audit mendapati PTR ada menyimpan rekod kewangan dan rekod transaksi kewangan seperti penyata kewangan beraudit, resit, baucar bayaran, penyata bank dan sebagainya. Semakan ke atas baucar bayaran PTR pula mendapati baucar telah disimpan secara berturutan mengikut nombor siri dan disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap tetapi tidak dicap ‘TELAH BAYAR’ serta tiada nama dan jawatan penandatangan. **Maklum balas daripada PTR bertarikh 22 Disember 2014**

menjelaskan, teguran Audit telah diambil kira dan PTR telah melaksanakan bermula Disember 2014.

- b. Pengurusan aset yang merangkumi perolehan, penggunaan, penyenggaraan, penyimpanan dan pelupusan hendaklah dibuat dengan cekap, berhemat dan selaras dengan prosedur kewangan yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati PTR mempunyai daftar aset yang lengkap, tepat dan kemas kini serta setiap aset telah ditanda ‘Hak Milik PTR’ dan telah diberi nombor pendaftaran. Butiran aset yang dimiliki oleh PTR adalah seperti di **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9
Aset Yang Dimiliki Oleh PTR

Bil.	Jenis Aset	Amaun (RM)
1.	Peralatan Pejabat	27,639
2.	Perabot Dan Lengkap	49,613
3.	Ubahsuai	71,777
4.	Papan Tanda	4,008
5.	Komputer Dan Perisian	5,038
Jumlah		158,075

Sumber: Rekod PTR

Pada pendapat Audit, Tadbir Urus Korporat PTR adalah kurang memuaskan kerana beberapa aspek penting dalam amalan terbaik pengurusan korporat belum diwujudkan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan lagi prestasi Pahang Technology Resources Sdn. Bhd. (PTR) adalah disyorkan tindakan berikut diambil:

3.5.1. Menyediakan Rancangan Korporat dan Strategik yang lengkap dan komprehensif dengan memberi fokus kepada aktiviti perniagaan strategik yang menyumbang pendapatan stabil kepada syarikat selaras dengan objektif penubuhan PTR.

3.5.2. Memperkemaskan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Syarikat dan Kerajaan.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

22 Februari 2015



www.audit.gov.my

Jabatan Audit Negara Malaysia

No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, 62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya